CONNECTED IN SCIENCE

2016

ANNUAL REPORT | LAPORAN TAHUNAN

LAPORAN TAHUNAN 2016
ANNUAL REPORT

THINK SCIENCE | CELEBRATE TECHNOLOGY | INSPIRE INNOVATION

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

AKADEMI SAINS MALAYSIA

+ Laporan ini mengandungi

Mengenai Kami 04

Prakata 06

Titipan dari Presiden 08



Tulisan dan rekaan oleh
Akademi Sains Malaysia


Nasihat STI kepada Negara
13
Memperkasa
Komuniti Saintifik
47
Wacana
78
Keahlian
80
Maklumat Lanjut
190
Laporan Kewangan
176
Peralihan Kepimpinan
87

Kami berusaha

1. Menjadi Peneraju Pemikir yang diiktiraf bagi isu berkaitan sains, kejuruteraan, teknologi dan inovasi

2. Memupuk kecemerlangan dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi untuk kebaikan masyarakat keseluruhannya.

Misi

- Menjadi Peneraju Pemikir
- Menjadi Badan Penasihat Apex dalam hal berkaitan Sains Teknologi dan Inovasi (STI)
- Menjadi penggalak yang efektif terhadap kesedaran dan pemahaman awam tentang STI
- Menjadikan STI sebagai asas bagi pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat

Fungsi

- Menasihati Kerajaan berkenaan hal STI yang berkepentingan kepada negara dan antarabangsa
- Memupuk budayaa kecemerlangan SET di Malaysia
- Membantu meningkatkan keupayaan teknologi sektor industri di Malaysia
- Menggalakkan kesedaran dan pemahaman umum mengenai kepentingan STI dalam kehidupan seharian
- Menjalin jaringan dan kerjasama antarabangsa
- Penerbitan saintifik

Strategi

- Memanfaatkan pemikiran saintifik untuk menentukan hala tuju STI negara
- Memupuk budaya kecemerlangan STI
- Memberikan input STI yang berwibawa dan tepat pada masanya
- Menggalakkan penggunaan dan aplikasi sains untuk kesejahteraan rakyat
- Memudahcara pelaksanaan strategi ekonomi berasaskan inovasi

Pihak Berkepentingan

Dalaman

- Felo
- Associates
- Young Scientists Network (YSN-ASM)
- Pengurusan ASM

Luaran

- Jabatan Perdana Menteri dan Agensi Pusat
- MOSTI dan agensinya
- Kementerian lain dan agensi berkaitan
- Industri
- Institusi penyelidikan
- Badan profesional S&T
- Organisasi antarabangsa STI
- Komuniti bandar dan luar Bandar

Aktiviti Kami

Kajian Strategi STI

- Malaysia 2050
- Imbasan Horizon
- Penjelmaan Teknologi Baru
- Kelestarian Sains

Program Strategik STI

- Pembangunan Bakat
- Pengantara
- Konsortium Sains
- Fora perundingan

4 Teras Piagam Pelanggan

- Memberi khidmat nasihat yang bebas, boleh dipercayai berasaskan data yang tepat pada masanya
- Komited dalam mewujudkan program yang berkualiti ke arah pembangunan asas STI negara yang kukuh
- Mewakili Malaysia dan komuniti saintifiknya di arena antarabangsa
- Menyebarkan pengetahuan saintifik

Prakata



Sebagai kementerian yang menerajui kemajuan sains dan teknologi di Malaysia, MOSTI sentiasa berpegang teguh kepada misi untuk meneroka, membangun dan memanfaatkan STI untuk menjana ilmu pengetahuan, mencipta kekayaan dan menjamin kesejahteraan masyarakat ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi yang kompetitif, mampan dan terangkum. Akademi Sains Malaysia (ASM) sentiasa komited dalam mendokong matlamat, strategi dan pelan tindakan MOSTI.

Penerbitan tahunan ini melaporkan pencapaian ASM sepanjang tahun secara komprehensif. Saya bangga untuk menyatakan bahawa ASM telah berjaya menyiapkan sembilan kajian dan 23 program pada 2016. Beberapa kajian ASM yang dijangka siap pada 2017 juga sedang dijalankan.

Generasi muda memainkan peranan yang penting dalam mencapai visi Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang akan membawa perubahan terutamanya dalam tadbir urus, pembangunan, ekonomi, daya tahan masyarakat dan pendidikan. Dengan perkembangan ini, MOSTI perlu memastikan sains, teknologi dan inovasi (STI) membawa peranan penting dalam memacu TN50. Dalam merangka strategi dan pelan tindakan ke arah TN50, senario masa hadapan perlu dibina.

Oleh itu, saya amat menantikan laporan Malaysia 2050: Foresight Initiative pada tahun 2017, yang selari dengan aspirasi TN50.

Kita perlu mempunyai gambaran yang jelas dan pemahaman yang mendalam mengenai prestasi STI nasional dan global, serta ciri-ciri struktur dan tadbir urus. Oleh itu, advokasi STI untuk Polisi amatlah diperlukan. Komponen STI perlu diambil kira dalam proses penggubalan semua polisi bagi mencapai TN50. Kementerian dan agensi perlu memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi mereka. Polisi STI perlu dipantau dan dikaji semula secara berkala untuk mengenal pasti dan memperbaiki sebarang kelemahan. Akses kepada petunjuk prestasi yang sesuai dan maklumat yang tepat, disokong oleh kapasiti berasaskan pengetahuan untuk penggubalan polisi STI berasaskan bukti adalah penting.

Pemerkasaan kapasiti dan keupayaan STI dari segi institusi, mandat, kakitangan, pengurusan, dana dan jaringan dapat dicapai melalui strategi dan pelaksaan program yang berkesan di peringkat nasional. Oleh itu, Polisi untuk STI memerlukan kerjasama holistik kesemua kementerian dan pihak-pihak berkepentingan. Majlis Sains Negara (MSN) bertindak sebagai jawatankuasa yang memantau sains telah menyatukan MOSTI, KPM dan KPT dalam satu platform, dengan tujuan yang sama iaitu perkembangan bakat STEM demi masa hadapan. Saya yakin kita berada di landasan yang betul untuk menjadi sebuah negara yang maju.

Aktiviti ASM adalah selari dengan Polisi untuk STI dan STI untuk Polisi. Antara program flagship yang boleh dipuji adalah Mega Science, Science Outlook, Foresight, Konsortium Sains, Young Scientist Network, dan Program Pembangunan Bakat. Saya berharap agar ASM meneruskan usaha sebagai badan pemikir STI negara yang berkhidmat untuk pelbagai kementerian demi kesejahteraan rakyat. Input ASM yang bebas, boleh dipercayai dan tepat pada masanya amat dihargai.

YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Prakata



Tahniah kepada ASM di atas penerbitan Laporan Tahunan yang memaparkan pencapaian bagi 2016. Sebagai sebuah badan berkanun di bawah MOSTI, ASM dimandatkan untuk menyediakan input nasihat strategik kepada pihak Kerajaan serta pihak berkepentingan dan terus berusaha untuk memartabatkan kecemerlangan sains, kejuruteraan dan teknologi (SET) untuk manfaat bersama.

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab memacu agenda STI negara untuk memastikan perkembangan ekonomi yang mampan, MOSTI komited dalam melaksanakan Dasar STI Negara ke-2 (NPSTI2) yang menyasarkan STI untuk transformasi sosio-ekonomi dan pertumbuhan yang inklusif. Pelaksanaan polisi ini memerlukan kerjasama yang bersepadu antara kementerian, agensi kerajaan, pihak swasta dan NGO. Aktiviti ASM, antaranya; membangun, memupuk dan menggiatkan bakat; merangsang industri; mentransformasi tadbir urus STI; mempromosi STI; dan mempertingkatkan pakatan strategik antarabangsa, adalah selari dengan lima dari enam teras strategik NPSTI2.

Pada 2016, ASM telah membentangkan beberapa laporan nasihat di Kabinet melalui MOSTI. Salah satunya adalah 'Transforming the Water Sector: National Integrated Water Resources Management Plan: Strategies and Road Map', yang dirasmikan oleh YB Menteri STI. Laporan ini memberi gambaran keseluruhan isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan sumber air bersepadu di Malaysia. Ia menyeru kerjasama kolaboratif pelbagai kementerian dalam melaksanakan cadangan yang diketengahkan, selari dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

ASM mempromosikan sains kepada semua melalui program utamanya. Chapter ASM dan Young Scientists Network of ASM (YSN-ASM) kini mewakili ASM untuk menjalankan program jangkauan luar seperti kem industri, seminar dan ceramah. ASM juga menggalakkan amalan sains yang baik di kalangan penyelidik setanding dengan standard antarabangsa. Sehubungan dengan itu, Top Research Scientists Malaysia (TRSM) mengenalpasti dan mengiktiraf penyelidik yang aktif sebagai penghargaan sumbangan mereka dalam P&P.

Dalam menginsankan sains, ASM menggalakkan penglibatan aktif pihak berkepentingan dan orang awam melalui forum dan seminar seperti Persidangan Antarabangsa Science for Peace dengan tema *'More for Peace, Less for War'.*

Saya sangat menghargai penglibatan ASM dalam inisiatif MOSTI seperti Inovasi Sosial MOSTI (MSI), Tahun Pengkomersilan Malaysia (MCY), Program Tabung Amanah Penyelidikan Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh, Projek Agensi P,P&P dan lain-lain.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ASM kerana berjaya menjalankan pelbagai program yang berimpak tinggi serta menghasilkan penerbitan yang berkualiti. Kementerian ini komited untuk terus menyokong ASM dalam menjalankan mandatnya sebagai Badan Pemikir STI negara dengan cekap dan berkesan.

Datuk Seri Dr Mohd Azhar Haji Yahaya
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi



Titipan dari Presiden

2016 terus memberikan nafas baru dalam perkembangan sains di negara ini. Akademi amat menghargai penubuhan MSN sebagai satu platform yang menyatukan sebelas Menteri Kabinet yang berkaitan dengan sains, teknologi dan inovasi (STI) dengan matlamat yang sama, iaitu untuk menyelia pembangunan dan pelaksanaan agenda Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan (P,P&P) negara.

Laporan tahunan 2016 menceritakan aktiviti-aktiviti ASM sepanjang tahun bersama pencapaiannya. Laporan ini akan mencetus pemikiran anda untuk terus meneroka dan membaca.

Nasihat STI

Akademi meneruskan usaha untuk menyediakan laporan bagi cadangan polisi menerusi kajian dalam bidang berkepentingan. Tahun ini, melalui MOSTI, ASM telah membentangkan kertas bertajuk 'Mengarusperdana STI untuk Pembangunan Sosio-Ekonomi Negara'. Kelemahan yang dikenal pasti dalam kajian Science Outlook 2015 serta beberapa cadangan telah dikemukakan. Hasilnya, cadangan tersebut telah dipersetujui oleh MSN dan memohon agar MOSTI, KPM, KPT, bersama-sama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu, ASM telah diberi mandat oleh MOSTI untuk membantu dalam membangunkan Pelan Induk STI Negara dan NPSTI.

MSN telah meminta agar ASM dan Majlis Profesor Negara (MPN) bekerjasama dalam mengenal pasti peluang ekonomi baru yang memfokuskan kepada STI. Kajian New Economic Opportunities (NEO) menggesa kerajaan untuk mengguna pakai jaringan kerjasama sebagai platform asas. Ekonomi masa kini dipacu oleh pengetahuan dan teknologi yang berkembang pesat serta rangkaian digital. Ini membolehkan perkongsian idea merentas sempadan bagi memudahkan kerjasama dalam proses penciptaan. Kajian ini mengenal pasti empat bidang strategik iaitu, Industri Halal, Industri Kesihatan dan Perubatan, Industri Pembuatan dan Industri Perkhidmatan sebagai sektor yang berpotensi untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi di arena global.

Tahun ini, kemuncak bagi sepuluh kajian berkaitan sektor air oleh Jawatankuasa Air ASM adalah pelancaran Pelan Pengurusan Sumber Air Bersepadu Negara (NIWRM). Pelan ini mengenengahkan 25 cadangan yang dapat mentransformasikan sektor air di Malaysia jika diterima pakai.

Malaysia 2050 merupakan salah satu inisiatif ASM yang meramal kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara dengan kualiti hidup yang tinggi menjelang tahun 2050 di mana rakyat hidup dalam keadaan harmoni, makmur dan mampan. Di bawah inisiatif ini, Mega Sains 3.0 mengkaji ekosistem yang perlu dipupuk dan pelaburan STI yang perlu diberi keutamaan untuk mencapai masa depan yang diinginkan. Kajian ini mencakupi sektor ekonomi tertentu dan mencadangkan bidang yang memanfaatkan STI. Lima industri yang dibincangkan dalam kajian Mega Sains 3.0 adalah Perabot, Automotif, Kreatif, Pelancongan, dan Plastik dan Komposit.

Menyedari kepentingan kajian yang inklusif dan holistik, ASM mewujudkan Pakatan Foresight Malaysia yang telah membawa pelbagai pakar dan badan pemikir untuk mengendalikan Malaysia2050: Inisiatif Foresight. Hasil kajian ini amat berguna bagi menghadapi cabaran perancangan yang sukar dijangka dengan perubahan yang drastik. Laporan ini dijadualkan siap pada 2017.

ASM meneruskan usahanya dalam mengkaji isu-isu kelestarian dan alam sekitar. Salah satu kajian yang boleh dibanggakan adalah Jerebu Merentasi Sempadan bagi menangani isu jerebu merentasi sempadan yang belaku saban tahun. Cadangan yang dikemukan terdiri dari rangka kerja perundangan dan dasar, pengaturan institusi, sosio-ekonomi dan S&T. ASM bertekad untuk berkongsi penemuan dan cadangan ini melalui rangkaian kerjasama saintifik di peringkat ASEAN. Tahun ini juga, ASM telah menerbitkan dua Kertas Posisi iaitu Hakisan dan Pemendapan serta Perlombongan Mapan berdasarkan kajian kes perlombongan bauksit di Pahang.

Walaupun ASM merupakan akademi yang masih baru, ASM telah memperolehi kemahiran untuk menyampaikan input saintifik, intelektual dan strategik yang berkualiti tinggi. **Proses penjanaan idea, perundingan serta analisis data telah melahirkan pendekatan kreatif yang futuristik dan melangkau disiplin konvensional.** Namun, masih banyak yang boleh dipelajari dari akademi sedunia lain yang lebih berpengalaman melaksanakan aktiviti berimpak tinggi.

Di bawah kepimpinan YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, ASM telah memainkan peranan yang lebih dinamik dan berkesan sebagai peneraju pemikir kepada kementerian dan negara. ASM dapat memberi pandangan berkaitan STI terus kepada Kabinet melalui MOSTI termasuk cadangan yang melibatkan kementerian lain. ASM harus kekal komited untuk memberi khidmat nasihat yang berwibawa, bebas dan tepat pada masanya untuk kekal relevan dalam ekosistem STI negara.

Jaringan Pakar

Kejayaan kajian ASM adalah hasil komitmen dan sumbangan masa dan kepakaran Felo secara pro-bono. Kepakaran, pengetahuan dan rangkaian kerjasama Felo merperkayakan lagi sumber ASM. Felo dikategorikan kepada enam kumpulan disiplin iaitu Sains Perubatan dan Kesihatan; Kejuruteraan & Sains Komputer; Biologi, Sains Pertanian & Alam Sekitar; Matematik, Fizik & Sains Bumi; Sains Kimia; dan Pembangunan S&T dan Industri. Tahun ini, bilangan Felo ASM telah mencapai 301 orang dengan 27 Felo Kanan dan enam Felo Kehormat. ASM juga telah mula melantik ahli sains sosial yang telah menyumbang kepada kemajuan sains di negara ini dan mempunyai matlamat seiring dengan objektif ASM. ASM berharap ia akan dapat menarik minat ahli sains sosial untuk melibatkan diri dalam khidmat nasihat saintifik dan seterusnya membolehkan pewujudan kumpulan disiplin sains sosial di ASM.

Selain Felo, ASM turut melantik 29 *Associates* yang merupakan pakar-pakar dari pelbagai bidang sains dan sains sosial untuk memenuhi permintaan pengetahuan dan kepakaran antara disiplin yang semakin meningkat. Perkembangan jaringan pakar ASM bertambah dengan ahli-ahli Young Scientists Network (YSN-ASM) dan *Top Research Scientists Malaysia* (TRSM) yang menyumbang menerusi penglibatan dalam jawatankuasa kerja serta meneraju program ASM terpilih.

Kajian dan program ASM diuruskan melalui Jawatankuasa Kerja atau Badan Bertindak yang dipimpin oleh seorang Felo. Mereka bertanggungjawab untuk menyelia pengendalian program atau kajian selain dari memimpin dan membimbing kakitangan pengurusan ASM dalam melaksanakan sebarang aktiviti. Tahun ini, ASM telah bekerja dengan 41 Jawatankuasa Kerja dan 20 Badan Bertindak.

Mengukuhkan kapasiti dan keupayaan STI

Penumpuan kepada perkembangan bakat STI untuk masa depan merupakan sebahagian penting usaha ASM. Oleh itu, ASM menyokong kepentingan pendidikan sains seawal sekolah rendah. Pendidikan Sains Berasaskan Inkuiri (IBSE) terbukti berjaya menarik minat pelajar sekolah rendah untuk meneroka dan mempelajari sains. ASM terus memberi bimbingan yang berterusan kepada empat sekolah perintis dan memantau guru-guru yang terlibat dalam program ini.

Program ini diperluaskan lagi dengan pelantikan 'Duta Sains' di tiga kawasan parlimen iaitu Jerlun, Setiu dan Tuaran. Guru-guru yang terpilih dari setiap kawasan parlimen telah dilatih untuk mengaplikasi kaedah IBSE dalam pengajaran sains dan matematik. Duta Sains yang bertindak sebagai agen perubahan dapat menyebarluaskan inisiatif ASM di kawasan lain bagi mewujudkan impak yang lebih besar.

Program Duta Sains dilaksanakan melalui Dana Inovasi Sosial MOSTI. Selain IBSE, Duta Sains juga memainkan peranan penting dalam membantu usahawan di Tangga Batu untuk mengkomersilkan dan menambah nilai produk mereka. Selain itu, Duta Sains di Jerlun mengenal pasti masalah tanah jerlus di kawasan tanah pertanian, yang mana ASM kini bekerja rapat dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) untuk menyelesaikan masalah ini. ASM akan terus bekerjasama dengan Duta Sains yang dilantik dan mengembangkan rangkaian ini dalam usaha untuk mencapai kepada komuniti.

ASM berusaha untuk memupuk bakat rakyat Malaysia untuk mencapai taraf dunia serta melibatkan diri dalam agenda STI negara. Sejak 2004, jumlah penyertaan dalam program saintis muda antarabangsa semakin meningkat. ASM sebagai rakan panel pencalonan untuk Malaysia, bangga dalam menjalankan pemilihan calon dari seluruh Negara berasaskan merit. Tahun ini, ASM terus menyokong saintis muda untuk mengambil bahagian dalam beberapa program antarabangsa seperti Mesyuarat Tahunan Lindau, *IIASA Young Scientists Summer Programme* (YSSP), *CERN Summer Student Programme* (CSSP) dan Program Kepimpinan IAMP. Program seperti ini memberi peluan untuk menimba ilmu pengetahuan, meningkatkan interaksi dan inspirasi. Sebagai contoh, program YSSP memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk menjalankan penyelidikan bebas di bawah pengawasan pakar IIASA manakala CSSP memberi peluang kepada para pelajar untuk menyertai pasukan penyelidikan yang menjalankan kajian dalam bidang fizik zarah.

Saintis muda yang berbakat ini telah mendorong penubuhan YSN-ASM, iaitu kumpulan individu yang berbakat, bermotivasi dengan semangat yang tinggi untuk menyumbang kepada agenda sains negara. ASM meletakkan harapan yang tinggi terhadap generasi muda ini, kerana mereka merupakan pemimpin masa depan.

Selain memupuk bakat saintis muda, integriti turut menjadi ciri yang penting. Hasil penyelidikan yang boleh dipercayai dan tepat adalah penting untuk meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap penyelidikan Malaysia. ASM memulakan inisiatif Responsible Conduct of Research (RCR) pada 2013 selepas penyertaan dalam bengkel RCR yang dijalankan oleh US National Academy of Sciences (AS NAS). Sejak itu, ASM telah menyokong YSN-ASM untuk membangun dan menerajui modul pendidikan RCR yang bertujuan untuk melatih jurulatih RCR bertauliah serta mewujudkan kesedaran dan penggunaan modul RCR di universiti.

Malaysia di Arena Antarabangsa

Akademi-akademi sains melalui jaringan kolaborasi serantau dan global bekerjasama menggembleng sumber dan kepakaran bagi menyediakan nasihat bebas yang berasaskan bukti mengenai isu-isu global kepada penggubal dasar dan kerajaan. Pengaruh mereka telah membentuk dasar-dasar sains global dan meningkatkan kemajuan penyelidikan.

ASM berusaha untuk terus meletakkan Malaysia sebagai peneraju dalam sains melalui penyertaan aktif dalam mesyuarat saintifik dan inisiatif kerjasama. Felo ASM menerajui pelbagai jawatan dalam organisasi antarabangsa, seperti Council of International Institute for Applied Systems Analysis (IIASA), Association of Academies and Societies in Asia (AASSA), InterAcademy Partnership (IAP), International Council of Science dan lain-lain. ASM juga menerajui penubuhan Network of ASEAN Science Academies (NetASA).

Penglibatan secara aktif membolehkan ASM mendapatkan maklumat terkini berkaitan sains dan teknologi serta membuka pelbagai peluang kepada saintis Malaysia. Saban tahun, rangkaian dan hubungan ASM yang terus berkembang luas membawa kepada pengiktirafan ASM sebagai sebuah akademi sains terkemuka di rantau ASEAN.

Komunikasi Sains

ASM terus meneroka kaedah terbaik untuk berkomunikasi dengan masyarakat awam, pihak berkepentingan dan penggubal dasar. **Input saintifik dan cadangan polisi disampaikan dalam bentuk yang lebih menarik, mudah difahami dan lebih jelas.** Ini termasuklah pembentangan, penerbitan dan siaran-siaran media sosial. ASM aktif di media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, dan saluran YouTube untuk menyebarkan maklumat dan pengumuman terkini. Penglibatan secara kerap bersama media juga dijalankan dengan menawarkan kepakaran felo sebagai rujukan dan sumber.

Forum dan seminar dirangka secara khusus untuk meningkatkan penglibatan peserta untuk berkongsi input dan idea mereka. Topik perbincangan digariskan dengan teliti untuk memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai perkara yang dibincangkan dan akan digunakan sebagai bahan rujukan. ASM akan terus berusaha untuk mencari kaedah penyampaian sains yang berinovatif untuk mewujudkan masyarakat celik sains.

Cabaran

Selepas memegang jawatan sebagai presiden ASM selama enam tahun, saya mendapati bahawa cabaran yang ditempuhi hari ini tetap sama. Dana yang mencukupi dan berterusan merupakan salah satu penyumbang utama kejayaan ASM. Walaupun kekurangan dana, kami berjaya meneruskan pelbagai aktiviti dalam tempoh beberapa tahun yang lepas berbekalkan dana simpanan kami. Walaubagaimanapun, kami percaya tindakan ini adalah penting dan perlu untuk membuktikan keupayaan dan kapasiti ASM sebagai Peneraju Pemikir negara. Saya ingin memetik kata-kata Socrates, 'Cara untuk mendapat reputasi yang baik adalah dengan berusaha untuk menjadi apa yang anda inginkan.'

Pelbagai kementerian dan agensi kerajaan telah mula mengiktiraf ASM sebagai sumber yang berwibawa. Saya berharap ASM akan meneruskan usaha merapatkan jurang dengan kementerian-kementerian berkaitan untuk kolaborasi dan impak yang positif. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua rakan-rakan ASM dan pihak berkepentingan untuk kerjasama dan penglibatan dalam aktiviti ASM. Input anda membolehkan kami untuk menyediakan nasihat komprehensif kepada kerajaan dan menjadi suara yang berpengaruh dalam STI. ASM akan terus menawarkan platform bebas untuk semua peringkat masyarakat bagi memudahkan mereka memberi sebarang maklum balas dan idea.

Saya berbangga dengan usaha, komitmen dan kepimpinan yang tidak berbelah bagi daripada Felo ASM yang telah membantu membina kredibiliti ASM. Saya berharap semangat ini akan berterusan dan sokongan penuh diberikan kepada pengganti saya, Profesor Datuk Dr Asma Ismail FASc. Saya yakin bahawa kepimpinan, dedikasi dan kebijaksanaan beliau akan membawa kejayaan yang lebih besar untuk ASM.

Sekalung penghargaan saya tujukan kepada pihak pengurusan yang komited dan berdedikasi, serta semua kakitangan di atas kesungguhan dan semangat mereka dalam mencapai matlamat ASM.

Tan Sri Datuk Ir Dr Ahmad Tajuddin Ali FASc





Nasihat STI kepada Negara

+

Kajian strategik ASM bertujuan untuk memberi nasihat yang bebas, berwibawa, relevan dan tepat pada masanya dalam isu berkaitan STI di peringkat nasional dan antarabangsa. Kajian-kajian ini dikategorikan dalam empat tema iaitu Malaysia 2050, teknologi baru muncul, kelestarian sains, dan sosio-ekonomi. Aspek asas ekosistem, keupayaan S&T dan sumber kewangan diteliti dalam setiap kajian bagi memastikan penyampaian cadangan yang holistik.

Malaysia 2050

KOMUNITI PINTAR

ASM menjangkakan Malaysia menjadi sebuah negara yang mempunyai Komuniti Pintar menjelang tahun 2050. Visi ini telah diilhamkan pada 2014 apabila ASM memulakan inisiatif foresight untuk membangunkan rangka kerja antara status quo dan masa depan Malaysia.

Komuniti Pintar merangkumi masyarakat bandar dan luar bandar, di mana rakyat hidup dalam persekitaran makmur, mampan dan harmoni. Dalam senario ini, hak asasi seperti pendidikan, kesihatan dan keselamatan rakyat terjamin, kekayaan dijana melalui aktiviti ekonomi yang mampan, dan negara ditadbir dengan prinsip-prinsip yang kukuh.

ASM telah memulakan empat kajian berikut di bawah Malaysia 2050:

1. Malaysia 2050: Inisiatif *Foresight*
2. Sains, Kejuruteraan dan Teknologi Memuncul (ESET)
3. Mega Sains 3.0
4. Peluang Ekonomi Baru dalam Industri berasaskan STI



"Kita perlu bertindak sekarang untuk memastikan tahap kehidupan yang tinggi, mampan, makmur dan harmoni dicapai di masa hadapan"

Tan Sri Ir Dr Ahmad Tajuddin Ali FASc

Malaysia 2050: Komuniti Pintar
Memanfaatkan Kapasiti STI Termaju



creative commons
This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives 4.0 International License.
Findings from Malaysia 2050: Foresight and Emerging Technologies
© ACADEMY OF SCIENCES MALAYSIA
#malaysia2050 #asmforesights

Inisiatif *Foresight*

Melalui pakatan *Foresight*, ASM mengumpulkan pakar dan badan pemikir dalam bidang S&T, Masyarakat & Budaya, Geopolitik, dan Ekonomi & Kewangan bagi meramalkan kedudukan negara menjelang tahun 2050. Inisiatif ini memberi peluang kepada badan-badan berkepentingan untuk mengguna pakai paradigma imaginatif tetapi realistik dalam merangka pelan strategik melalui F*oresight* atau pemikiran masa hadapan.

Melalui insiatif ini , sembilan faktor utama yang mungkin akan menentukan masa depan negara telah dikenalpasti:



creative commons

Kaedah Inisiatif
Input yang inklusif diterima dari penggubal dasar, komuniti saintifik, ahli akademik, peneraju industri, badan profesional STI, ahli sains sosial, ahli ekonomi, sejarawan, ahli agama dan NGO.

lembaran fakta

34 Bengkel, Latihan, Perbincangan Kumpulan Fokus, Ceramah melibatkan pihak-pihak berkepentingan
200+ Organisasi dan
300+ Pakar/ Pemimpin terlibat dalam kaji selidik, temuramah, & perbincangan kumpulan fokus
3 Futuris Antarabangsa

Pakatan Inisiatif *Foresight* adalah:
- MOSTI
- ASM
- University Malaya (UM)
- *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MiGHT)
- *Malaysian Foresight Institute* (myForesight)
- Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI)
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)
- Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS)
- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Sains, Kejuruteraan dan Teknologi Memuncul (ESET)

Kajian Sains, Kejuruteraan dan Teknologi Memuncul bertujuan untuk mengenalpasti teknologi penting yang mendorong pencapaian visi *Komuniti Pintar* 2050. Fasa pertama kajian ini telah mengenalpasti 284 teknologi memuncul, produk dan perkhidmatan yang memberi impak kepada Malaysia ke arah 2050. Melalui kajian yang lebih terperinci berdasarkan inisiatif *foresight*, 95 teknologi memuncul telah disenarai pendek mengikut kelebihan dan keperluan negara. Teknologi ini seterusnya diklasifikasikan berdasarkan dua kriteria: tarikan and kebolehlaksanaan bagi mengenalpasti senarai teknologi yang kritikal untuk fokus P&P Malaysia ke arah 2050.

95 teknologi memuncul dibahagikan kepada 13 kategori:

- **18** Bahan Termaju & Nanomaterial
- **15** Kecerdasan Buatan & Robotik
- **10** Genomik
- **10** Komunikasi & Jaringan
- **9** Bioproses
- **8** Algoritma & Pengaturcaraan
- **6** Tenaga & Bahan Api
- **5** Kognitif
- **5** Sensor & Nanosensor
- **3** Teknologi Jitu
- **2** Pengkomputeran
- **2** Realiti Berperantara (AR) & Realiti Maya (VR)
- **2** Keselamatan Siber

Sumber dari MASTIC berdasarkan sistem klasifikasi P&P Malaysia

lembaran fakta

Kajian ESET menumpukan kepada **5** teknologi memuncul mega yang akan memberi impak positif kepada sosio-ekonomi Malaysia ke arah 2050

- Bioteknologi
- Teknologi Digital
- Teknologi Hijau
- Nanoteknologi
- Neuroteknologi

Teknologi ini dijangkakan menyumbang **29.1%** kepada KDNK Malaysia pada 2050.

Mega Sains 3.0

ASM telah menjalankan beberapa siri kajian Mega Sains sejak 2010. Kajian Mega Sains 3.0 (MS 3.0) yang telah bermula pada 2015 dan tamat pada 2016. MS 3.0 merangkumi lima industry iaitu Perabot, Automotif, Kreatif, Pelancongan, dan Plastik & Komposit.

Lima industri ini dipilih setelah mengambil kira aspirasi "Komuniti Pintar" 2050. Kajian ini mengenalpasti isu dan cabaran, merangka strategi dan cadangan, membina hala tuju industri untuk jangka pendek, sederhana dan panjang hingga 2050.

Strategi dan cadangan yang dikemukakan diharapkan dapat membantu kelima-lima industri ini untuk bersaing di arena tempatan dan antarabangsa, dengan menawarkan intervensi yang bersesuaian, terutamanya dalam hal pembangunan bakat, STI, dan tadbir urus.

lembaran fakta

Forum dan Pameran Nasional MS 3.0 yang diadakan pada 10 November di Kuala Lumpur telah dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau. Dapatan dari kelima-lima laporan industri telah dibentangkan.

Pelbagai aspek industri kreatif telah dipamerkan termasuk dron buatan sendiri dan pencetak 3D, hasil seni, fesyen dan peralatan perubatan yang dihasilkan dengan pencetak 3D, kerusi roda antara muka berkomputer, paparan VR dan AR, dan dua buah kereta yang menggunakan bahan gentian kaca & karbon dan fenestron berasaskan komposit sebagai bahan binaan badan kereta.

Industri MS 3.0



Perabot



Automotif



Kreatif



Pelancongan



Plastik & Komposit



YB Menteri Datuk Seri Panglima
Wilfred Madius Tangau melawat terowong masa
sempena Forum & Pameran Mega Sains 3.0

Industri **Perabot**

Bidang Fokus

Rekabentuk – Pembuatan – Pemasaran – Kelestarian

Selepas kegawatan ekonomi pada 2011, industri perabot terus berkembang pesat mencecah USD128 bilion pada 2013. Secara purata, penggunaan perabot per kapita di seluruh dunia bernilai USD83 bilion setahun. Strategi Malaysia untuk bersaing dengan pasaran perabot yang semakin berkembang pesat adalah melalui peralihan dari pembuatan berasaskan peralatan asli (OEM) ke pembuatan berasaskan reka bentuk asli (ODM).

Vietnam telah mengatasi Malaysia dalam senarai pengeksport perabot dunia pada 2009 dan berada di kedudukan kelima pada 2014. Sebaliknya, China sebagai pengeksport utama mempunyai kapasiti untuk menghasilkan perabot dalam jumlah yang tinggi. Di Malaysia pula, permintaan pasaran dalam negara adalah rendah berbanding pasaran antarabangsa. Pengeluar Malaysia percaya bahawa permintaan pasaran tempatan yang tinggi merupakan faktor utama penjimatan kos dalam pelaksanaan automasi secara menyeluruh.

Selain itu, impak hasil kajian ESET terhadap industri perabot Malaysia turut diteliti. Secara khususnya, kemunculan specis baru pokok untuk kegunaan perabot, pemasaran melalui internet, IoT dalam industri perabot, bahan buangan yang berkurangan dan sistem automasi akan memberi impak yang besar kepada industri perabot. Ekonomi dan kewangan, sosial dan kebudayaan, dan geopolitik menjelang tahun 2050 juga akan menentukan hala tuju industri ini. Pada masa ini, Malaysia akan mampu bersaing dengan negara-negara maju.



Mempertingkatkan Nilai Proposisi Malaysia

Strategi & Cadangan

Rekabentuk

Memperkasa jaringan universiti-industri-kerajaan
- Meningkatkan program untuk pereka

P&P untuk perabot inovatif
- IoT untuk perabot
- Mengguna pakai teknologi maju (CAD/CAE/CAM, Prototaip Pantas))
- Rekaan berfungsi

Mempelbagaikan bahan mentah
- Spesis kayu baru, bio-plastik, bio-komposit, fiber semula jadi, atau komposit kayu plastik sebagai bahan alternatif

Pembuatan

Pembuatan Tangkas
- Teknologi pembuatan yang menjimatkan kos

Pendidikan tinggi dalam bidang rekaan dan pembuatan perabot
- Melatih belia dengan kemahiran di pelbagai peringkat
- Mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing

Kesedaran terhadap kelestarian

P&P dalam bahan alternatif, teknologi pembuatan maju
- P&P untuk alat pemotong, mesin dan teknologi pemprosesan
- Mengguna pakai atau membangunkan teknologi maju (Pencetak 3D, Mesin Kawalan Berangka Berkomputer)

Pemasaran

Sinergi untuk pertumbuhan perniagaan
- Mengkaji semula polisi negara (Pekerja asing dan industri hiliran)
- Memperkasakan sokongan institusi dan sistem penyampaian

Peralihan dari pembuatan peralatan tulen (OEM) ke pembuatan reka bentuk asli (ODM) ke pembuatan nama jenama asli (OBM)
- Membangunkan model perniagaan baru
- Menghubungkan syarikat ODM baru dengan syarikat terkemuka
- Platform pemasaran baru (Realiti Maya)

Kelestarian

Pensijilan melalui rantaian penjagaan (CoC)
- Mengkaji semula polisi negara dalam industri bernilai tinggi, kelestarian getah dan kayu balak

Kesedaran terhadap kelestarian
- Memperkenalkan spesis kayu baru
- Bekalan kayu yang konsisten
- Kelestarian kayu yang diperakui
- Kelestarian sumber

P&P dalam bahan alternatif, bahan mentah yang lestari dan spesis baru
- Kultur tisu untuk baka pokok baru (tempoh matang yang singkat, berkualiti tinggi)
- Pusat Ujian Perabot untuk kualiti perabot yang diperakui

Industri **Automotif**

Bidang Fokus

Kejuruteraan Digital Bersepadu – Sistem Keselamatan Aktif Bersepadu yang Maju – Pergerakan Dataraya – Bahan Termaju Hijau

Penglibatan syarikat IT merevolusikan industri automotif. Kini, industri automotif melangkau teknologi tradisional, seperti enjin dan sistem *powertrain*, dengan mengintegrasikan teknologi komunikasi yang mampu menggantikan komponen mekanikal dalam konfigurasi kenderaan, dan didominasi komponen eletrik. Kenderaan masa hadapan akan dilengkapi dengan IoT, menyumbang kepada pergerakan dataraya.

Pada fasa permulaan wawasan 2020, industri automotif disasarkan untuk merangsang permintaan bagi alat ganti dan komponen, serta menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana dalam ekosistem industri. Selain menjadi penyumbang utama pekerjaan, industri ini turut menyumbang kepada ekonomik Negara iaitu sejumlah 2.5% KDNK yang menyumbang 8.5% dalam sektor pengilangan.

Jumlah pemilikan kenderaan di seluruh dunia dijangka melebihi 2.5 bilion menjelang 2050. Kini, kenderaan berinovasi mula memasuki pasaran dan menjanjikan ciri-ciri mesra alam dan penjimatan bahan bakar. Kenderaan baru, seperti; Kenderaan Elektrik Hibrid (HEV), Kenderaan *Plug-in-Hybrid* (PHEV), Kenderaan Elektrik dengan Bateri (BEV) dan Kenderaan Sel Bahan Api (FCV) telah mula memasuki pasaran.



Mempertingkatkan Nilai Proposisi Malaysia

Strategi

1 Menggubal polisi, peraturan dan insentif kerajaan yang bersesuaian dalam aspek berikut:
- Persekitaran
- Perniagaan dan perdagangan
- Bakat
- Piawaian
- Kepelbagaian insentif untuk mempromosikan e-mobiliti

2 Membangunkan kerjasama perniagaan dalam rangkaian nilai e-mobiliti

3 Mengenalpasti sikap pelanggan terhadap faedah dan penggunaan kenderaan baru untuk mengurangkan kebimbangan dan meningkatkan tahap penerimaan.

4 Menginstitusikan penyelarasan infrastruktur sokongan yang relevan

5 Membina komuniti P&P yang kukuh untuk meneroka pembangunan e-mobiliti

Cadangan



Mempertingkatkan ekosistem automotif secara berterusan



Menggubal instrumen polisi baru untuk e-mobiliti



Memacu perniagaan e-mobiliti di masa hadapan



Meningkatkan pembangunan teknologi dan P&P



Membina komuniti P&P, persatuan, dan program bakat muda e-mobiliti



Menyelaras penerimaan masyarakat terhadap e-mobiliti

Industri **Kreatif**

Bidang Fokus

Warisan – Seni – Media – Ciptaan Berfungsi

Ekonomi kreatif dipacu oleh industri kreatif dan kebudayaan yang berpaksikan seni, budaya, perniagaan dan teknologi. Pelbagai Negara telah mengenalpasti ekonomi kreatif dan kebudayaan sebagai penyumbang utama kepada perkembangan ekonomi, dan seterusnya beranjak ke arah perkembangan ekonomi kreatif. Berikutan dengan itu, 'Ekonomi Kreatif' telah diperkenalkan dan polisi digubal untuk pelaksanaan yang lebih strategik dan berstruktur. Negara-negara dari Kesatuan Eropah, UK, China dan Indonesia adalah antara negara terawal yang melaksanakan Ekonomi Kreatif ini.

Penggerak utama industri kreatif adalah bakat, kemahiran dan kreativiti individu yang dapat menyumbang kepada penjanaan kekayaan dan peluang pekerjaan melalui hak milik intektual. Industri ini merangkumi 13 sektor; pengiklanan, seni bina, pasaran seni dan antik, kraftangan, rekaan, fesyen, filem, perisian interaktif (contohnya, permainan video), muzik, seni persembahan, penerbitan, perisian, dan televisyen dan radio.

Bidang kajian Sektor Kreatif Mega Sains 3.0 memfokuskan kepada:

- **Warisan:**
  Galeri, Perpustakaan, Arkeologi dan Muzium (GLAM)

- **Seni:**
  Seni Visual, Seni Persembahan dan Seni & Kraftangan Tradisional

- **Media:**
  Penerbitan, Audiovisual & Media Baru

- **Ciptaan Berfungsi:**
  Persekitaran Binaan, Fesyen & Barang Kemas dan Grafik & Pengiklanan



Mempertingkatkan Nilai Proposisi Malaysia

Strategi & Cadangan

Institusi dan Tadbir Urus

- Pelaburan dalam perkembangan bakat
- Penggunaan teknologi maju oleh Galeri, Perpustakaan, Arkib dan Muzium (GLAM); Seni dan Kraftangan Tradisional
- Pengemaskinian Polisi Industri Kreatif Negara setara dengan keperluan masa kini
- Penubuhan Majlis Seni Negara
- Pemberian insentif kepada industri
- Penubuhan Muzium Sejarah Negara
- Pelaburan dalam produk dan perkhidmatan industri kreatif
- Penubuhan institut latihan dan P&P

Penentududukan Industri

- Penggabungan AR/VR dan pengalaman multisensor ke dalam produk
- Pengunaan teknologi baru dalam industri
- Pertingkatkan rantaian nilai dengan teknologi baru

P & P

- Memfokuskan kepada kandungan digital dan hiburan yang imersif, inklusif dan interaktif
- Mengenalpasti dan membangunkan petunjuk statistik

Perkembangan Bakat

- Pertingkatkan kemahiran seiring dengan kemajuan teknologi
- Pembangunan keusahawanan
- Pertingkatkan program perintis, bimbingan dan program pendidikan tinggi

Hak Milik Intelektual (IPR)

- Mewujudkan kesedaran terhadap teknologi baru yang disruptif kepada IPR
- Menggalakan pereka industri kreatif untuk mendaftar

Industri
Pelancongan

Bidang Fokus

Trend Berkaitan dengan Pengurusan Destinasi - Pembangunan Pengangkutan dan Perhubungan - Perubahan Iklim dan Isu Berkaitan dengan Kelestarian - Perubahan Demografik - Pelancongan Tanpa Sempadan

Menjelang 2020, pelancongan akan menjadi industri terbesar dunia. Majlis Pelancongan dan Pengembaraan Dunia (WTTC) menjangkakan bahawa Amerika Syarikat dan China akan menjadi ekonomi pelancongan dan pengembaraan terbesar di dunia. Menjelang 2025, sektor pelancongan dan pengembaraan dijangka akan menyumbang 357 juta peluang pekerjaan dengan jangkaan ketibaan pelancong seramai 1.8 bilion pada 2030. Asia Timur Laut akan menjadi sub-rantau yang paling kerap dilawati dengan 16% jumlah ketibaan pelancong, manakala ketibaan pelancong di Asia Tenggara akan meningkat tiga kali ganda ke 210 juta pada 2030.

Malaysia menyaksikan peningkatan ketibaan pelancong yang ketara sejak 30 tahun yang lalu, dengan peningkatan yang paling tinggi direkodkan dalam tempoh 15 tahun yang lepas. 25.7 juta pelancong telah memasuki Malaysia dengan RM69.1 bilion pendapatan pelancongan pada 2015. Di samping itu, Malaysia mencatatkan sejumlah 169.3 juta pelawat domestik pada 2014, dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM62.2 bilion. Dianggarkan 14% dari tenaga kerja adalah dalam industri pelancongan. Di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), ketibaan pelancong disasarkan seramai 36 juta dan pendapatan pelancongan sebanyak RM168 bilion bagi 2020. Sasaran ini ditetapkan berdasarkan kepada fokus untuk meningkatkan hasil dari seorang pelancong dengan meningkatkan perkhidmatan dan tawaran, serta mempertingkatkan perhubungan dengan kawasan tarikan pelancongan utama.



Mempertingkatkan Nilai Proposisi Malaysia

Strategi

Tadbir urus

- Mengukuhkan pelaksanaan undang-undang dan peraturan
- Memantau, mengesan dan menilai impak aktiviti pelancongan
- Menyelaras produk dan perkhidmatan di semua peringkat

Implikasi S&T dan Keperluan P&P

- Meluaskan penggunaan ICT untuk meningkatkan pengalaman pelancong
- Revolusi teknologi dan impaknya kepada pelancongan masa hadapan

Jangkauan luar dan Advokasi

- Tindakan pemulihan pencemaran dan cabaran persekitaran sedia ada
- Mengguna pakai amalan terbaik antarabangsa untuk mempromosi dan membangunkan pelancongan yang mampan
- Penglibatan komuniti tempatan dalam pembangunan pelancongan untuk membasmi kemiskinan

Pembangunan Kapasiti

- Tadbir urus yang baik, pengurusan, kepimpinan, dan dana meningkatkan piawaian dan produktiviti

Cadangan

- Menggunakan teknologi untuk meningkatkan pengalaman pelancong
- Memperkasakan pelancongan bandar
- Mengatasi kekurangan bakat
- Melaksanakan Akta Orang Kurang Upaya 2008 dalam semua sektor
- Menanam penghargaan terhadap kelestarian dalam pendidikan dan masyarakat
- Menggalakkan penglibatan masyarakat dalam seni dan kebudayaan tradisional
- Mempromosikan pembangunan teknologi hijau dalam pelancongan
- Menggunakan dana HRDF secara efektif untuk perkembangan bakat
- Meningkatkan keselamatan dalam eko-pelancongan dengan mengguna TV litar dan alat pengesan
- Meningkatkan perlindungan persekitaran
- Melaksanakan undang-undang
- Pengurusan sumber sektoral untuk tenaga boleh diperbaharui
- Menyusun semula model pelancongan untuk memberikan pulangan tinggi kepada masyarakat tempatan
- Memperkasakan mekanisma tadbir urus di peringkat nasional, negeri dan tempatan.

Industri
Plastik & Komposit

Bidang Fokus

Trend Bahan Termaju - Pembangunan Produk Baru - Trend Teknologi Pembuatan Termaju - Alam Sekitar dan Pembangunan Lestari

Lumbar plastik dan komposit bakal mendapat permintaan yang tinggi kerana daya tahannya yang tahan lama, daya rintangan terhadap degradasi dan serangan serangga, penyelenggaraan yang minima, dan boleh diproses seperti kayu asli. Ia juga mesra alam kerana diproses dari bahan-bahan yang dikitar semula. Faktor ini akan meningkatkan lagi keyakinan pengguna dan merangsang permintaan terhadap bahan ini.

Industri komposit dijangka meningkat sebanyak 4% pada 2015 di seluruh dunia. Pada tahun 2019, pasaran komposit dunia dijangka akan terus meningkat dan bernilai sekitar USD35 bilion. Menjelang 2050, pasaran komposit dilihassssst akan mengalami perkembangan yang signifikan dengan peluang-peluang yang tercipta dalam sektor yang berlainan. Ia mampu mencapai sehingga USD285 bilion.

Sejak kebelakangan ini, industri plastik di Malaysia telah beralih dari pembuatan produk murahan yang digunakan bagi menggantikan barangan import, kepada pembuatan berasaskan eksport dan aplikasi industri bertaraf tinggi. Persatuan Pengeluar Plastik Malaysia (MPMA) telah menyatakan bahawa nilai eksport berbanding keuntungan jualan meningkat dari 40% dalam tahun 1990-an kepada 60%. Pada 2015, industri plastik Malaysia terus berkembang pesat. Jumlah keuntungan jualan pada tahun tersebut meningkat kepada RM25 bilion, peningkatan 27% berbanding RM19 bilion pada 2014. Bagi industri komposit Malaysia pula, keuntungan dianggarkan berjumlah RM3.5 bilion dari sejumlah 70 pengilang. Pada masa ini, sektor pembinaan, aeroangkasa dan marin merupakan pengguna terbesar bahan ini.



Mempertingkatkan Nilai Proposisi Malaysia

Strategi

- Menyediakan suasana yang kondusif bagi menggalakkan inovasi dalam industri plastik dan komposit.
- Membina kapasiti dan kebolehan dalam plastik dan komposit.
- Menyediakan dana kerajaan untuk P,P&P, seiring dengan negara-negara membangung, iaitu 2% dari KDNK.
- Memperkasa industri untuk menyumbang kepada industri plastik dan komposit dengan sokongan kuat kerajaan.
- Memupuk jaringan antara aktiviti upstream, midstream, dan downstream.
- Menubuhkan skim kitar semula untuk mempromosikan kecekapan serta pemeliharaan sumber dan pengurangan bahan cemar.
- Memastikan kelestarian industri plastik dan komposit melalui pendekatan circular economy.
- Melibatkan penggubal dasar untuk memahami kepentingan industri plastik dan komposit
- Membantu industri dalam meningkatkan kualiti pengeluaran untuk terus bersaing di peringkat global.

Cadangan

- Menyediakan peluang kerjaya dalam industri plastik dan komposit kepada graduan Institut Pendidikan Teknikal & Latihan Vokasional (TVET).
- Menubuhkan dan membiayai Badan Bertindak Pemandu Industri Plastik dan Komposit di bawah MITI.
- Menyediakan dana seiring dengan negara-negara membangun (2% KDNK) untuk penyelidikan bagi tempoh 35 tahun akan datang.
- Menggalakkan industri untuk menggunakan plastik dan komposit untuk meningkatkan prestasi dan memenuhi keperluan kelestarian *(Life Cycle Assessment* (LCA) dan pendekatan holistik).
- Menggalakkan industri plastik & komposit dan sektor awam untuk menggunapakai *Circular Economy*, termasuk *"Waste to Wealth* (W2W)" dan 4R *(Reduce, Reuse, Recycle, Recover).*

Peluang Ekonomi Baru

Kajian bersama ini adalah hasil mandat Majlis Sains Negara (MSN) kepada ASM dan Majlis Profesor Negara (MPN) pada 2016. Ia bertujuan untuk mencadangkan mekanisma yang sesuai dan penting ke arah perkembangan peluang pembangunan ekonomi di peringkat global melalui industri berasaskan STI.

Ekonomi baru dipacu oleh pengetahuan dan teknologi yang berkembang pesat serta rangkaian digital yang membolehkan perkongsian idea baru merentasi sempadan. Ia membuka peluang kepada rangkaian kerjasama untuk inovasi disruptif yang menghasilkan produk dan perkhidmatan yang bernilai tinggi di pasaran.

Kajian ini mencadangkan hala tuju bagi Malaysia dengan mengambil kira potensi ini, untuk terus berdaya saing dengan menggunapakai pendekatan ekonomi kolaboratif melalui rangkaian kerjasama industri tertentu. Empat bidang telah dikenalpasti sebagai bidang khusus yang berpotensi tinggi untuk kemajuan ekonomi. Bidang tersebut adalah Industri Halal, Industri Kesihatan dan Kesejahteraan, Industri Pembuatan dan Perkhidmatan Sampingan serta Industri Perkhidmatan. Kajian ini juga mengenalpasti dan memanfaatkan kelebihan, kekurangan dan peluang bagi setiap sektor.

Dapatan dan cadangan kajian ini akan dibentangkan kepada Majlis Sains Negara (MSN) pada suku pertama 2017.

Pembuatan dan Perkhidmatan Sampingan

Industri pembuatan menyumbang sehingga 23% kepada KDNK Malaysia dan ianya perlu berubah untuk terus bersaing. Dengan Revolusi Industri ke-4, industri ini mengalami transformasi yang ketara. Kemajuan dalam teknologi memuncul seperti kecerdasan buatan, robotik, IoT, kenderaan autonomi, pencetakan 3D, teknologi nano, bioteknologi, sains bahan, penyimpanan tenaga dan pengkomputeran kuantum terus memacu sektor ini.

Perkhidmatan

Pada 2015, sektor perkhidmatan menyumbang 53.8% KDNK Malaysia dan terus menjadi penyumbang utama kepada perkembangan ekonomi dalam RMKe-11. Pelan Tindakan Sektor Perkhidmatan dan RMKe-11 memfokuskan kepada industri perkhidmatan berasaskan inovasi dan ilmu pengetahuan. Perancangan transformasi sektor perkhidmatan perlu menitik beratkan teknologi kewangan (fintech), di mana inovasi berimpak tinggi terhasil di seluruh dunia. Dengan menggalakkan pertumbuhan fintech dalam bahagian pasaran yang belum diterokai, Malaysia mampu berada di barisan hadapan pasaran tertentu.

Halal

Malaysia dilihat sebagai peneraju pasaran halal disebabkan kesediaan ekosistem halal negara yang dilengkapi polisi dan pelan pembangunan yang menyeluruh dan proaktif. Industri ini menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan 7.5% KDNK. Pada 2016, 1,401 syarikat Malaysia telah mengeksport produk halal bernilai RM205.1 bilion. Selain itu, negara-negara lain turut mengambil peluang pasaran ini termasuk Negara dengan populasi minoriti Muslim.

Perubatan dan Kesihatan

Transformasi industri perubatan dan kesihatan memfokuskan sistem penyampaian kesihatan maya (eHealth). Kini, infrastruktur penjagaan kesihatan lebih canggih berbanding permulaan teleperubatan di negara ini dua dekad lalu. Sistem eHealth dijangka akan merangsang industri pelancongan kesihatan di mana perkhidmatan perubatan dan kesihatan diberi secara atas talian, dengan rangkaian doktor pakar yang dipercayai untuk khidmat perundingan dan rawatan susulan. Dengan kemudahan perubatan yang canggih, Malaysia mampu menjadi destinasi perubatan dan kesihatan utama di ASEAN.

lembaran fakta

Perwakilan Berdasarkan Organisasi
Industri - **35%**
Kerajaan - **26%**
Akademik - **22%**
Awam - **17%**

Tempoh Projek
Mei 2016 - Januari 2017

164 orang

82 organisasi

10 Penglibatan (perbincangan, bengkel perancangan strategik, mesyuarat kumpulan fokus dan mesyuarat kumpulan pakar)

Persekitaran Lestari

Pemodenan merangsang kemajuan ekonomi dan teknologi dalam meningkatkan kualiti hidup. Kemajuan ini memberi kesan negatif kekal kepada persekitaran seperti penyusutan sumber asli, perubahan iklim dan kepupusan spesis.

Walaupun bumi mampu mengalami pemulihan secara semulajadi, tetapi manusia telah menyebabkan kerosakan yang melampaui batas. Pencemaran dari aktiviti manusia memberi kesan kepada planet ini. Oleh itu, kita bertanggungjawab melindungi planet ini dari terus dicemari. Ini dapat dicapai melalui penggunaan dan penghasilan yang mampan, pengurusan sumber asli yang baik, serta mengambil tindakan ke atas perubahan cuaca.



“Kita bertanggungjawab untuk menyerahkan bumi ini dalam keadaan yang baik dan tidak terjejas kepada keturunan masa depan sepertimana yang kita memperolehinya.”

YAB Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak

Jerebu Merentasi Sempadan

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti dan membangunkan pendirian ASM dalam isu berkaitan jerebu merentasi sempadan yang merangkumi pelbagai pihak berkepentingan dan komuniti yang terjejas di Malaysia dan di rantau ini. Laporan kajian ini bertujuan untuk memberi cadangan dan input polisi kepada kerajaan Malaysia melalui badan-badan yang relevan. Aspek berikut dikenalpasti:

- Rangka kerja dasar-perundangan
- Pengaturan institusi
- Sosio-ekonomi
- S&T

lembaran fakta

- Jerebu merentasi sempadan telah dilaporkan pertama kali di Asia Tenggara pada 1972 dan ia menjadi isu alam sekitar di rantau ini selama lebih dari tiga dekad. Fenomena jerebu semakin kerap sejak 1982 di mana kebarangkalian kejadian jerebu meningkat dari sekali setiap sembilan tahun ke setiap tahun.

- Kadar asap, habuk, kelembapan dan wap dalam jerebu yang mencukupi boleh menjejaskan penglihatan. Jerebu dikatakan 'merentasi sempadan' apabila ketumpatannya yang tinggi masih boleh diukur selepas ia merentasi ruang udara Negara lain.

- Kebakaran separa kawasan gambut mengeluarkan lebih asap dan partikel yang mengambil jangkamasa lebih lama untuk reda. Ini membolehkan ia terapung di udara, dihanyutkan oleh angin merentasi sempadan menyumbang kepada 90% kejadian jerebu merentasi sempadan ASEAN. (Heli, 2007)

Tiga isu utama yang difokuskan adalah:

Jerebu dan Kualiti Udara

Impak jerebu ke atas kesihatan, ekonomi, pertanian, persekitaran, dan kepelbagaian bio, bukan sahaja memberi kesan kepada negara yang terlibat, malah kepada seluruh dunia, serta melibatkan usaha masyarakat antarabangsa dalam mencari penyelesaian isu ini. Jerebu bukanlah satu fenomena semulajadi. Ia terdiri daripada bahan cemar atmosfera yang terhasil akibat daripada aktiviti manusia. Walaupun fenomena El Nino dan arah tiupan angin mampu meningkatkan tahap pencemaran jerebu, El Nino bukanlah penyebab jerebu.

Pengurusan Kawasan Tanah Gambut dan Air

Pembakaran tanah gambut berkait rapat dengan jerebu. Komposisi tanah gambut tropika mempunyai kandungan organik yang tinggi. Tanah ini mudah terbakar sekiranya dibiarkan kering dan menyebabkan penyebaran partikel seni ke udara. Tahap kesedaran yang rendah serta kekurangan pengetahuan dan kefahaman tentang pengurusan tanah gambut menyumbang kepada kebakaran tanah gambut. Selain itu, pengurusan dan pentadbiran agro-alam sekitar tanah gambut yang lemah, polisi yang kurang berkesan, dan isu sosio-ekonomi juga menyumbang kepada masalah ini.

Kitaran Sisa kepada Sumber: Tenaga atau Bahan

Proses pembersihan tanah, penanaman, penuaian, dan penanaman semula menghasilkan sisa biomass dalam jumlah yang besar. Sisa ini sering dilupuskan melalui kaedah pembakaran yang cepat, mudah dan murah. Kajian ini meneroka potensi sisa biomass yang terhasil melalui pembersihan tanah atau pertanian, untuk dijadikan produk yang bernilai tinggi, dan memberi pulangan kepada petani.

Cadangan

Tebang, bukan untuk dibakar, tetapi meraih pendapatan

- Menggalakkan kerajaan untuk melabur dalam membangunkan kemudahan untuk menukarkan biomass kepada produk atau tenaga melalui kerjasama swasta-awam.

- Menyediakan persekitaran pelaburan yang kondusif termasuk kadar faedah yang rendah, harga produk berasaskan bio yang kompetitif atau disubsidikan, pembelian dari pihak kerajaan, dan kawasan perniagaan yang sesuai bagi menggalakkan pelaburan dalam fasiliti yang dicadangkan.

- Menggalakkan sektor swasta untuk menerajui pelaburan dengan penglibatan pelaburan Agensi kerajaan dan komuniti tempatan yang terdiri daripada petani, penduduk, peniaga kecil-kecilan, dan syarikat perladangan yang berdekatan.

Urus tanah gambut, elakkan kebakaran

- Syarikat perladangan yang menguruskan kawasan tanah gambut mengambil langkah keselamatan untuk mengurangkan risiko kebakaran.

- Aktiviti perladangan dalam kawasan tanah gambut perlu memastikan aliran dan saluran air yang baik dalam sistem pengairan ladang.

- Kawasan tanah gambut terbiar perlu dikenalpasti dan dipromosikan untuk pelaburan dan pemuliharaan.

- Pembangunan kawasan tanah gambut dan air dijalankan di pinggiran lembangan tanah gambut bebas.

Melihat melangkaui jerebu

- Agensi penguatkuasa meningkatkan larangan pembakaran terbuka terutamanya semasa Monsun Barat Daya dari bulan Jun hingga Oktober.

- Pelan kontigensi setempat yang menggunakan kaedah pembahagian sumber perlu dibangunkan dan dipraktikkan semasa tahap pencemaran jerebu yang tinggi (API melebihi 500) bagi mengurangkan sumber pencemaran tempatan.

- Ramalan cuaca dan sistem amaran perlu disebarkan dengan lebih berkesan berserta produk ramalan cuaca tambahan bagi meningkatkan keberkesanan sistem ini.

Penyampaian Sains kepada semua

- Polisi komunikasi yang baik boleh direalisasikan dengan koordinasi penyelidikan yang lebih efektif oleh institusi penyelidikan.

- Penglibatan orang awam melalui media sosial, dialog mengenai isu kritikal dan aktiviti pelbagai pihak berkepentingan bersama agensi kerajaan boleh mempengaruhi proses polisi secara positif.

Bidang P&P

- Bagi merangka langkah-langkah pengawalan sumber pencemaran setempat, kajian perlu dijalankan ke atas sistem dan aspek sosio-ekonomi serta kesan perundangan pelan kontigensi setempat.

- Menjalankan P&P dalam pengesanan dan pemodelan radioisotop ke atas bahan pencemar yang hadir dalam julat tinggi dan tidak dapat dikenalpasti.

- Menjalankan kajian ke atas kesihatan yang memfokuskan ciri-ciri toksikologi partikel jerebu serta menilai kesihatan dan bebanan penyakit disebabkan jerebu secara sistematik. Ini perlu merangkumi kajian epidemiologi bebanan penyakit disebabkan pencemaran udara, penilaian ketoksikan bahan partikel kebakaran hutan, dan penilaian persekitaran dalaman sekolah ketika jerebu.

- Semua maklumat kajian seperti lokasi, kawasan dan status tanah gambut tropika perlu dikongsi secara terbuka. Data ini perlu diintegrasikan dalam peta *Geographic Information Systems* (GIS).

- Penyelidikan strategi pengurusan masa hadapan perlu meliputi; tinjauan dan pemetaan tanah gambut; kajian hidrologi ekosistem gambut; rekaan infrastruktur kawasan gambut yang inovatif; mengenalpasti spesis tumbuhan yang sesuai di kawasan berair; dan pembangunan variasi tanaman berhasil tinggi di kawasan gambut.

Hakisan dan Pemendapan

Hakisan tanah dan enapan merupakan penyebab utama pencemaran laluan air di seluruh dunia. Kesan buruknya terhadap laluan air adalah kemusnahan ekologi dan kehidupan ikan, pengangkutan bahan toksik (racun serangga dan racun rumput) yang melekat pada enapan dan pengurangan kapasiti laluan air untuk mengalirkan air hujan dan seterusnya mengakibatkan banjir.

Kajian ini membincangkan aktiviti manusia yang mengakibatkan pencemaran mendapan. Kerja-kerja pengendalian tanah akan menyebabkan hakisan tanah dan pemendapan ketika hujan lebat. Hakisan air akan membawa lebih banyak enapan jika tanah ditinggalkan terbiar. Kesemua sektor utama ekonomi negara melibatkan kerja tanah yang ekstensif seperti perladangan, pertanian, pembangunan kawasan perumahan, pembinaan infrastruktur, perlombongan dan perhutanan.

lembaran fakta

- Banjir kilat di negara ini adalah akibat dari hakisan dan pemendapan tanah. Keluasan tanah sebesar **29,000** km per segi terjejas akibat banjir setiap tahun (Jabatan Pengairan dan Saliran, 2011).

- Panduan Pencegahan dan Pengawalan Hakisan dan Pengelodakan (lampiran I) merupakan dokumen rasmi yang telah diterbitkan pertama kalinya pada 1978 di Malaysia untuk membantu juruperancang dan syarikat pembangunan mengawal hakisan. Dokumen ini seterusnya telah dikemaskini pada 1978, 1992 dan 1996 (Jabatan Persekitaran, 1996).

Hala Tuju

- Pengawalselia yang berkebolehan dan terlatih dalam pengawalan hakisan dan pemendapan adalah penting untuk melaksanakan penguatkuasaan autonomi.

- Syarat baru bagi Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) perlu dirangka dan dilaksanakan untuk semua kerja tanah melibatkan semua sektor.

- Proses kerja dalam industri pembinaan yang tidak lestari berdasarkan penilaian Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESC) perlu dihentikan. Pengamal industri ini perlu diberi kesedaran mengenai keperluan penambahbaikan proses kerja. Ini termasuk kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan.

- Selain perundangan, kesedaran tentang Amalan Tadbir Urus yang Baik (BMP) dan latihan kecekapan adalah perlu untuk mengatasi masalah ini.

- Pensijilan profesional adalah perlu untuk memastikan kecekapan.

- Penyelidikan kaedah membaik pulih dan mengalihkan mendapan terampai dari sungai dan saliran perlu dijalankan.



Perlombongan Lestari

Bagi Negara yang kaya dengan sumber asli, bahan mineral berpotensi menjana kekayaan dan perlombongan masih menjadi kaedah utama untuk mendapatkannya. Jika tidak diuruskan dengan baik, perlombongan akan menjadi penyebab kepada degradasi alam sekitar dan sosial. Dasar Mineral Negara Kedua (NMP2) yang diperkenalkan pada 2009 menegaskan keperluan penjagaan alam sekitar yang akan memastikan sumber mineral negara dilombong secara mesra alam, bertanggungjawab dan lestari.

Perlombongan bauksit di Kuantan, Pahang bermula pada 2013 secara kecil-kecilan di Balok dan kemudiannya berkembang ke Bukit Goh, Bukit Sagu dan Sungai Karang. Perkembangan pesat yang tidak terkawal ditambah pula dengan perlombongan tidak lestari, samada secara sah atau haram, mengakibatkan kemusnahan alam sekitar.

ASM menubuhkan satu Badan Bertindak bagi menganalisa isu-isu berkaitan perlombongan bauksit di Kuantan dan mengutarakan cadangan untuk mengatasi masalah akibat aktiviti ini. Ini adalah untuk mengurangkan kemusnahan alam sekitar, dalam masa yang sama memberi imbangan kepada kesejahteraan masyarakat dan penjanaan kekayaan.

lembaran fakta

- Eksport bauksit Malaysia ke China meningkat dari **343,000** tan ke **3.72** juta tan, dari Januari ke September 2015 (The Star, Disember 2015).

- Bijih bauksit mengandungi aluminium oksida (alumina), yang merupakan elemen utama untuk logam aluminium. Lebih **95%** dari penghasilan alumina di dunia diperolehi dari proses *Bayer (International Aluminium Institute, 2015).*

Kertas Posisi bertajuk Perlombongan Lestari: Kajian Lapangan Perlombongan Bauksit di Pahang mencadangkan perkara berikut:

- Semua aktiviti perlombongan bauksit perlu dikawal di bawah Enakmen Mineral Negeri (SME). Kelemahan seperti meletakkan perlombongan bauksit di bawah Kod Tanah Nasional dalam konteks aktiviti pemindahan tanah perlu diatasi
- Pembersihan stok sedia hendaklah diuruskan mengikut amalan terbaik
- Kawalan pencemaran, hakisan dan mendapan secara efektif perlu diamalkan di kawasan perlombongan, kawasan simpanan stok, pelabuhan dan pemindahan stok dari pelabuhan ke tongkang
- Pengawasan alam sekitar merangkumi kualiti air, udara dan bunyi perlu dijalankan secara berkala
- Memastikan lori yang digunakan untuk memindahkan bauksit adalah bersih dengan mempraktikkan operasi standard (SOP) termasuk pembersih roda di setiap kawasan perlombongan, kawasan penyimpanan stok dan pelabuhan, selaras dengan garis panduan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
- Menyediakan kawasan penyimpanan stok berpusat beserta sistem keselamatan berdasarkan spesifikasi yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri
- Menggalakkan badan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu memberi pendedahan berkenaan isu perlombongan bauksit kepada komuniti dan pihak berkepentingan
- Pelan Pemuliharaan Lombong perlu dirangka secara strategik untuk memastikan pemuliharaan dijalankan setelah aktiviti perlombongan berhenti bagi memastikan kelestarian kawasan tersebut.





Pengurusan Intipati Kehidupan

"Air dan sanitasi merupakan teras kepada pembangunan lestari yang penting untuk kehidupan manusia dan planet. Matlamat ke-6 bukan hanya untuk menyelesaikan isu berkaitan air bersih, sanitasi dan kebersihan diri, tetapi juga menumpukan kepada kualiti dan kelestarian sumber air di seluruh dunia"

UN SDG, 2015

Hidupan bergantung kepada air. Air adalah mencukupi untuk semua tetapi disebabkan pengurusan dan infrastruktur yang lemah, jutaan manusia tidak mempunyai akses kepada air bersih. Pengurusan kitaran air yang holistik penting dalam pengendalian tegasan air yang memberi kesan kepada manusia di seluruh dunia. 41 buah negara dilaporkan mengalami tegasan air dalam tahun 2011. Tegasan air memberi kesan buruk terhadap kelestarian sumber asli, ekonomi dan pembangunan sosial.

Pengurusan sektor air di Malaysia berpecah-belah mengikut negeri dan wilayah dan telah kekal sebagai kebiasaan sejak kemerdekaan dari penjajahan British pada 1957. Walaupun bekalan air mencukupi bagi menampung keperluan yang semakin bertambah, kita sering menghadapi kekurangan air. Tegasan air di Malaysia akan bertambah teruk jika cara penggunaan, pengurusan dan perkongsian air tidak diubah. Krisis air sedunia adalah disebabkan tadbir urus, dan bukannya kekurangan sumber.

Jawatankuasa Air ASM telah ditubuhkan pada 2008 untuk membincangkan pelbagai isu dan cabaran berkaitan sektor air di Malaysia. Jawatankuasa ini telah mengenalpasti beberapa bidang utama untuk mengutarakan strategi dan cadangan kepada kementerian dan agensi yang berkaitan. Cadangan ini terhasil dari sesi perundingan bersama institusi, komuniti dan pihak berkepentingan dari sektor swasta yang relevan.



Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu 1993 telah menetapkan bahawa 22 Mac sebagai Hari Air Sedunia, dan diuruskan oleh UN-Water dengan kerjasama pihak kerajaan dan rakan strategik seluruh dunia.



Pelan Pengurusan Sumber Air Bersepadu Negara

Di Malaysia, pengurusan sumber air terbahagi mengikut Negeri. Sehubungan dengan itu, Pelan Pengurusan Air Bersepadu Negara (IWRM) perlu dijalankan secara menyeluruh di seluruh negara.

Malaysia menyatakan komitmennya untuk melaksanakan IWRM di *Rio Earth Summit* 1992. Seterusnya, konsep IWRM telah dijalankan di Malaysia melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) 2001-2010, dan menjadi sebahagian dari Dasar Sumber Air Negara (DSAN) yang dilancarkan pada 2012. Walaubagaimanapun, selepas lebih dari dua dekad, IWRM masih belum diinstitusikan oleh kementerian, agensi dan pengurusan negeri seluruh negara.

Beberapa siri kajian berkaitan IWRM telah dijalankan oleh Badan Bertindak yang dilantik. Hasil kajian ini menjadi asas formulasi laporan Pelan IWRM Negara ini. Pelan ini bertujuan menyatukan ke semua pihak berkepentingan berkaitan pengurusan air di seluruh negara untuk memastikan pengurusan sumber air yang lestari.

Penyatuan ini adalah perlu bagi memastikan IWRM dapat dilaksanakan dalam usaha mencari penyelesaian bersepadu kepada pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi oleh sektor air. Penggalakkan *participatory management* dan menangani isu merentasi sempadan melalui perbincangan yang berterusan merupakan elemen yang penting dalam anjakan paradigma ini, menjadikan "urusan berkaitan air, urusan semua".

Pelan Pengurusan Sumber Air Bersepadu Negara (IWRM)

"Proses untuk menggalakkan pembangunan dan pengurusan air, tanah dan sumber berkaitan secara bersepadu, bagi mengoptimumkan kesan ke atas ekonomi dan kesejahteraan sosial dengan cara yang munasabah tanpa mengganggu kelestarian ekosistem" - Global Water Partnership

lembaran fakta

- Pelan IWRM merangkumi **14** sub-tema IWRM, selain dari **10** laporan yang telah disiapkan oleh ASM dalam bentuk ringkasan, laporan dan ulasan pakar untuk menghasilkan laporan yang menyeluruh.

Rumusan Cadangan

Pelan NIWRM menggariskan 25 cadangan seperti berikut:

- Transformasi sektor air Malaysia demi masa depan perlu diterajui melalui penggunaan dan pelaksanaan Pelan NIWRM. Pelan ini dapat memastikan transformasi sektor air sejajar dengan sektor ekonomi yang lain seperti yang telah dikenalpasti sebagai NKEA di bawah ETP.

- Pelan komponen dan program yang dicadangkan dalam laporan ini dijalankan secara serentak di seluruh negara oleh kementerian yang relevan, sama ada di bawah "pengurusan sumber air" atau "pengurusan utiliti air".

Persekitaran Pemboleh
Mengandungi 10 cadangan berkaitan polisi, perundangan, peraturan dan kewangan yang diperlukan bagi Dasar Sumber Asli Bersepadu yang menyeluruh; pengesahan Akta Sumber Air Negara semasa perlu dipercepatkan; dan keperluan dana dan protokol terutamanya berkaitan kerja-kerja pemuliharaan alam sekitar.

Rangka Institusi
Lima cadangan di bawah kategori ini memfokuskan penilaian dan pemerkasaan tadbir urus melalui satu jawatankuasa pemerhati dan pelaksanaan struktur pengurusan di peringkat negara, negeri, lembangan sungai dan hierarki tempatan, termasuk mengukuhkan integrasi intra-kementerian.

Instrumen Pengurusan
Lima cadangan di bawah kategori ini memberi penekanan kepada penubuhan pangkalan data berpusat IWRM yang dibina di sekitar platform lembangan sungai; penggunaan instrumen ekonomi, kewangan dan teknikal untuk penjimatan penggunaan air dan kebolehpercayaan untuk mengelak salah laku; pelaksanaan agenda negara untuk penyelidikan air bersepadu; mekanisma untuk mempromosikan pertumbuhan hijau; dan penubuhan pusat sehenti untuk pembinaan kapasiti bagi mempertingkatkan kemahiran dan kecekapan di setiap peringkat.

Pelaburan dalam Infrastruktur Air
Merangkumi cadangan berpusat untuk pelaburan segera dalam Infrastruktur Air untuk menyediakan keperluan sektor air negara dan menggalakkan tranformasi sektor air.

Selari dengan 95 EPP, 15 program utama telah dikenalpasti dan dikategorikan kepada tiga sub-program; lima program menyeluruh melibatkan 14 EPP, limaprogram berkaitan "Air sebagai Sumber" melibatkan 48 EPP, dan lima program berkaitan "Air untuk Kehidupan" melibatkan 33 EPP.

Struktur Pengurusan Pelaksanaan Pelan
Dicadangkan bahawa pelan ini diuruskan di peringkat nasional oleh MSAN, dan MSANg bagi peringkat negeri. Majlis Sains Kebangaan perlu mengawasi pelaksanaan sistem pengurusan sokongan dan dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal Negara (NTC). Mesyuarat yang kerap perlu untuk menyelesaikan isu-isu teknikal dan pengurusan operasi.

Penubuhan Unit Pelaksanaan IWRM (IWRM-IU) di bawah Majlis Sains Kebangsaan yang bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan pelan ini berjalan lancar. Unit ini juga akan memantau pelaksanaan program di semua peringkat.

Menerajui Agenda IWRM Negara
Menteri NRE, KeTTHA, and MOA dicadangkan untuk bekerjasama bagi menerajui agenda ini.

lembaran fakta

Berikut adalah laporan nasihat yang telah disiap-kan oleh Jawatankuasa Air ASM:

-

2009

Integrated Lake Basin Management
- Dikemukakan kepada NRE pada 2010 dan MSAN 07 pada 2012

2011

Integrated Aquifer Systems Management
- Dikemukakan kepada NRE pada 2012

ASM Mega Science Study: Water Sector
- Dikemukakan kepada Kabinet pada 2012

2014

National Agenda for Integrated Water Research
- Dikemukakan kepada NRE, MOSTI pada 2015 dan MSAN 10 pada 2015

Climate Change and Water
- Dikemukakan kepada NRE, MOSTI pada 2015 dan MSAN 10 pada 2015

2015

NKPA on Water

2016

Water Demand Management
- Dikemukakan kepada EPU, NRE, KeTTHA, MOA pada 2016

Water Supply and Wastewater Management
- Dikemukakan kepada KeTTHA pada 2016

Integrated River Basin Management
- Dikemukakan kepada NRE pada 2016

Water and Agriculture
- Dikemukakan kepada MOA pada 2016

Perubahan Iklim: Atribut Kapasiti Adaptif Dasar-Dasar Air Terpilih di Malaysia

Kapasiti adaptif adalah keupayaan penyesuaian sistem dengan perubahan iklim. Ia penting dalam menyokong pengurusan sumber air negara dalam kepelbagaian iklim. Tahap bencana banjir dan tegasan air yang semakin meningkat di negara ini akibat dari perubahan iklim perlu diberi perhatian melalui polisi dan perundangan yang lebih tegas. ASM telah menjalankan kajian mengenai Perubahan Iklim: Atribut Kapasiti Adaptif Dasar-Dasar Air Terpilih di Malaysia bagi membantu Kerajaan menggubal undang-undang dan polisi yang lestari yang membolehkan adaptasi kepada perubahan iklim.

Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Selangor yang menyediakan 60% bekalan air bagi kegunaan domestik dan industri di Selangor dan Lembah Klang adalah antara lima dokumen polisi dan pelan pembangunan utama yang digunakan sebagai asas dalam kajian ini untuk melihat keberkesanannya dalam membantu meningkatkan kapasiti adaptif. Empat dokumen yang lain adalah Dasar Perubahan Iklim Negara, Dasar Sumber Air Negara, Rancangan Malaysia ke-10, Rancangan Struktur Negeri Selangor dan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Selangor.

Usaha berikutnya perlu mengambil kira penilaian keadaan semasa persekitaran yang membolehkan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) dan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM). Rangka yang dicadangkan dalam kajian ini adalah berguna dalam mengkaji polisi sediaada atau dirujuk semasa penggubalan polisi baru. Kajian ini memberi cadangan untuk meningkatkan kapasiti adaptif institusi air.

lembaran fakta

- Indeks kapasiti adaptif Dasar Sumber Air Negara adalah **0.77**. Ia mempunyai tahap adaptif kapasiti yang tinggi berbanding dokumen polisi lain yang telah dinilai dalam kajian ini. Walaubagaimanapun, pembaikan boleh dilakukan dengan mengukuhkan sumber ekonomi.

- Indeks kapasiti adaptif bagi empat dokumen polisi yang lain adalah **0.40** dan kurang. Majoriti dokumen ini menunjukkan kelemahan dalam maklumat dan pengetahuan, urus tadbir dan institusi, bakat dan sumber ekonomi.



6 Cadangan

Maklumat dan Pengetahuan
- Pengumpulan dan perkongsian data saintifik dan teknikal antara pihak berkepentingan perlu disediakan dan diberi akses melalui sistem pengurusan maklumat bersepadu.

Institusi dan Tadbir Urus
- Kolaborasi dan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah penting dalam meningkatkan adaptif kapasiti.

- Menggalakkan pengurusan secara bersama dengan memberi kuasa kepada masyarakat tempatan dalam membuat keputusan boleh menjadi strategi yang berkesan.

Bakat
- Kapasiti pegawai pengurusan air perlu dipertingkatkan dalam semua bidang pengetahuan dan perkembangan saintifik berkaitan pengurusan air (sains, sains sosial dan kemanusiaan), termasuk pemahaman amalan pengurusan di peringkat lembangan.

Sumber Ekonomi
- Sokongan dari pihak kerajaan adalah penting bagi pengusaha air untuk mendapatkan dana dari pelbagai sumber untuk meningkatkan kelestarian operasi bagi membolehkan pembangunan infrastruktur yang tahan kepada perubahan iklim.

Teknologi dan Infrastruktur
- Perisian yang khusus untuk iklim setempat boleh memberikan ramalan yang lebih dipercayai dan tepat berbanding dengan perisian yang dibangunkan di peringkat antarabangsa.

- Keperluan untuk menilai data hidrologi negara menggunakan teknologi perolehan data yang terkini.

- Menggalakkan pendekatan dan pengurusan solusi seperti memelihara kawasan tadahan air dan ekosistemnya, mengenalpasti dan memelihara sumber bekalan dan tadahan air, mengawal sumber pencemaran, memberi kesan positif kepada adaptasi perubahan iklim.

Keteradaptasian Institusi
- Institusi Persekutuan dan Negeri perlu mengambil kira kepentingan sumber dan kegunaan sumber alternatif semasa iklim yang mencabar di dalam polisi, enakmen dan garis panduan pentadbiran.

- Institusi juga perlu menilai prestasi mereka secara berkala untuk mengenalpasti dan memperbaiki kelemahan.

- Pendekatan IWRM dan IRBM dalam perancangan, pengurusan, pelindungan dan pemuliharaan sumber air perlu dipertingkatkan kerana pendekatan ini membantu dalam tindak balas adaptasi yang berkesan, dan membantu penggubal dasar dalam merangka kaedah tadbir urus dan fungsi institusi bagi persediaan menghadapi perubahan iklim.

Cadangan yang diutarakan ini dapat menjadi rujukan untuk penggubal dasar dalam merangka polisi yang inklusif dan berkesan bagi mempertingkatkan kesediaan dalam menghadapi iklim yang ekstrem.

Perkhidmatan Air untuk Pertanian bagi Perniagaan Tani

Malaysia berada di ambang untuk menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi. Walaubagaimanapun, kekurangan polisi dan strategi yang utuh bagi perkhidmatan air untuk pertanian dalam dasar utama pembangunan Negara boleh menjejaskan keselamatan makanan negara.

Sejak 1932, fungsi Perkhidmatan Air untuk Pertanian (AWS) telah menjadi salah satu faktor kejayaan sektor pertanian negara. Kemiskinan di kawasan luar bandar dapat diatasi dalam skala yang besar dengan Tahap Sara Diri Komoditi Agromakanan Negara yang terjamin.

Kajian ini telah mengenalpasti kekurangan tenaga kerja dalam AWS pada tahap yang membimbangkan dan kekurangan program pembinaan kapasiti untuk pelbagai kumpulan pengguna dan pengurus air. Permintaan air dalam sektor pertanian yang semakin meningkat menjelang 2050 serta impak perubahan iklim menandakan terdapat keperluan untuk pengurusan sumber air dalam sektor pertanian yang lestari.

lembaran fakta

- Mengikut Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian (BPSP) Kementerian Pertanian dan Industry Asas Tani, kapasiti sumber manusia dalam AWS di peringkat kerajaan pusat telah berkurangan dari **1,000** ke 60 kakitangan.

- Tiada polisi dan strategi untuk AWS di dalam pelan dan pembangunan dasar Negara seperti Dasar AgroMakanan Negara 2010-2020 dan Dasar Sumber Air Negara 2012.

38 Cadangan Strategi

Tadbir Urus

1) Merangka Struktur Tadbir Urus AWS yang khusus.

2) Membangunkan penilaian sumber air pertanian dan pengauditan air dan sistem maklumbalas.

Polisi

3) Mengintegrasikan Polisi Perkhidmatan Air untuk Pertanian dengan Polisi Pertanian dan pelan pembangunan utama.

4) Semua pembangunan aktiviti pertanian dan AWS perlu berasaskan prinsip IRBM.

5) Memperuntukkan bidang penghasilan berfokus untuk semua sub-sektor (tanaman makanan bukan padi, tanaman komoditi dan industri, akuakultur, dan ternakan).

6) Membangun dan mengaplikasikan Pendekatan Neksus WEF dalam proses membuat keputusan berkaitan AWS dan keperluan sumber air untuk pembangunan pertanian.

7) Pembangunan STI untuk AWS memfokuskan kepada pemilikan teknologi negara.

Undang-undang, Panduan dan Peraturan

8) Mengisytihar dan mempromosikan Akta Perkhidmatan Air untuk Pertanian.

Institusi

9) Menubuhkan jabatan khusus untuk perkhidmatan air untuk pertanian bagi melaksanakan sistem tadbir urus, membangun dan menguruskan kawasan pengairan dan saliran untuk tanaman (makanan, industri dan komoditi), akuakultur dan ternakan pada skala yang besar.

10) Menubuhkan Pusat Kecemerlangan yang menjalankan kajian untuk AWS, termasuk latihan dan program pembinaan kapasiti untuk petani dan pengurus.

11) Menubuhkan Platform Dialog antara Pengguna Air, Platform Dialog Bersepadu Pengguna Air – Pengurus Air dan mengembangkan platform ini ke semua bidang berkaitan AWS. Rangkaian kerjasama dengan MOA, Majlis Sumber Air Negeri dan Negara, serta kementerian perlu diwujudkan.

Operasi dan Penyelenggaran

12) Membangunkan sistem operasi dan penyelenggaraan berdasarkan tahap penyampaian kepada pengguna termasuk penanda ukur kos perkhidmatan dengan mengambil kira ganjaran untuk perkhidmatan air di masa hadapan.

Data and Maklumat

13) Mengintegrasikan pengumpulan data dan maklumat serta perkongsian sistem dengan semua pengurus dan pengguna sektor air.

STI

14) Membangunkan penilaian sumber air, pengauditan dan sistem penilaian prestasi.

15) Membangunkan instrumen kelestarian pembangunan sumber air dalam pertanian dan pengurusan

16) Membangunkan sistem perisian maju untuk perancangan, rekabentuk dan pengurusan AWS

17) Membangunkan peranti untuk mengukur dan mengawal kuantiti dan kualiti air dalam semua sub-sektor pertanian

18) Membangunkan instrumen penilaian Neksus Air-Tenaga-Makanan (WEF).

19) Membangunkan instrumen jejak air untuk semua sektor pertanian bagi menyokong penilaian Neksus WEF

20) Menilai semula Sistem Pengairan Jelapang sedia ada dan baru serta komponen untuk mengukuhkan sistem graviti menggabungkan keperluan adaptasi perubahan iklim.

21) Membangunkan kriteria dan rekabentuk perancangan untuk tanaman bukan padi, ternakan dan akuakultur untuk meningkatkan hasil, menstabilkan pengeluaran, daya tahan banjir dan pembangunan mampan.

22) Membangunkan kriteria dan rekabentuk perancangan pengairan dan saliran untuk sistem perkhidmatan pertanian berskala besar bagi kelapa sawit, getah, buah-buahan dan tanaman makanan yang lain, tanaman industri dan komoditi, ternakan dan akuakultur.

23) Membangunkan kilang untuk menukarkan bahan buangan kepada tenaga untuk industri kelapa sawit, getah dan ternakan.

24) Membangunkan teknologi tanpa bahan buangan untuk industri kelapa sawit, getah dan ternakan.

25) Membangunkan Pusat Kitar Semula Air untuk industri padi dan getah.

26) Membangunkan teknologi guna sama air permukaan dan air bawah tanah untuk pengurusan air untuk pertanian.

27) Membangunkan rangkaian sistem saliran dan pengairan jelapang sedia ada untuk kegunaan semua sektor dan menggunakannya sebagai grid air di negara dan rantau ini.

28) Membangunkan kriteria dan rekabentuk perancangan untuk kawasan pertanian sebagai sebahagian daripada sistem banjir bersepadu di peringkat tempatan, Negara dan serantau.

Kewangan

29) Membangun dan melaksanakan model kewangan kerjasama awam-swasta untuk Perkhidmatan dan Infrastruktur Air untuk Pertanian.

30) Membangunkan model kewangan merentas sektor sebagai sebahagian dari pengurusan Neksus WEF serta infrastruktur pelbagai guna sedia ada dan baru.

Penjanaan Kekayaan

31) Membantu kumpulan pengguna untuk meningkatkan sumber pendapatan bukan pertanian di dalam dan luar kawasan AWS.

32) Mengenalpasti dan menggalakkan pembangunan industri pembekal AWS dan peluang perniagaan baru.

33) Mengeksport industri AWS untuk bekerjasama dengan negara yang masih dalam proses pembangunan sistem pengairan dan saliran berskala besar untuk aktiviti penanaman padi dan bukan padi.

Penyertaan Awam

34) Menggalakkan penubuhan Kumpulan Pengguna Air dalam kawasan AWS untuk bekerjasama secara terus dengan penggubal dasar dan pengurus air.

35) Menyerahkan sistem pengurusan dan operasi pihak ketiga kepada Kumpulan Pengguna Air.

Pembinaan Kapasiti

36) Membangunkan program pembinaan kapasiti yang komprehensif untuk pengurus air dan penyedia perkhidmatan air untuk pertanian.

37) Membangunkan program pembinaan kapasiti yang komprehensif untuk Kumpulan Pengguna Air dan penyedia perkhidmatan yang berkaitan dengan pengurusan air untuk pertanian.

Kolaborasi dan Penyertaan Antarabangsa

38) Keahlian jangka panjang dan penyertaan aktif di organisasi antarabangsa terkemuka.

Pengurusan Air Bandar Bersepadu

Penempatan Bandar – Perancangan Bandar

Perangkaan (2010) menjangkakan menjelang tahun 2050, 80% dari 42 juta rakyat Malaysia tinggal di kawasan bandar. Oleh itu, pelan pengurusan dan pemeliharaan strategik yang efektif adalah penting untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan serta memastikan kelestarian sumber air di kawasan bandar.

Kajian Pengurusan Air Bandar Bersepadu (IUWM) yang sedang dijalankan mengambil kira kesan buruk pembangunan yang pesat terhadap perkhidmatan dan kemudahan bandar. Kajian ini akan mengenalpasti status pengurusan air di bandar semasa di empat konurbasi bandar berikut:

- Kuala Lumpur
- George Town
- Kuantan
- Koridor Iskandar dan Johor Bahru



Science Outlook 2017

Science Outlook 2015 memaparkan penilaian bebas berasaskan bukti dalam trend utama STI di Malaysia. Laporan ini telah menjadi pencapaian utama untuk ASM. Selepas pembentangan laporan ini di mesyuarat Majlis Sains Negara yang pertama dalam bulan Januari 2016, terdapat permintaan untuk menerbitkan kajian *Science Outlook* dua tahun sekali untuk mengekalkan momentum dalam mengenalpasti trend utama dan membincangkan kelemahan dalam lanskap STI.

Meneruskan kesinambungan edisi sebelumnya, *Science Outlook* 2017 terus menjalankan usaha untuk mengumpul data dan bukti berkaitan ekosistem STI negara melalui analisis dan penilaian yang komprehensif. Kajian ini akan mengekalkan enam teras strategik berdasarkan NPSTI 2013 – 2020.



Tadbir Urus STI

Bahagian ini bertujuan untuk mengemaskini senarai polisi nasional di Malaysia. Ia juga mengambil kira polisi STI dan kepimpinan tadbir urus di peringkat negeri. Kajian lapangan mengenai rasional penubuhan Majlis Sains Negara sebagai jawatankuasa tertinggi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan tujuan mentadbir STI di Malaysia, mempromosi dan melaksanakan agenda STI nasional.



P, P & P

Fokus bahagian ini adalah lanskap pelaburan dan produktiviti P, P & P negara, ekosistem keutamaan penyelidikan dan keberkesanan strategi pengkomersilan. Ia bertujuan untuk memberikan pemahaman terhadap kolaborasi, mengoptimumkan sumber dan kadar pengkomersilan, dan mengelakkan *valley of death* semasa pengkomersilan produk P&P bagi membolehkan negara mencapai ekonomi yang dipacu oleh inovasi.



Bakat STI

Salah satu cadangan daripada edisi terdahulu telah direalisasikan melalui penubuhan Pelan Tindakan STEM yang diketuai oleh MOSTI, KPT dan KPM. Pelan Tindakan STEM juga telah mentakrifkan STEM sebagai 'Pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik bersepadu dalam konteks menghubungkan institusi pendidikan, masyarakat dan industri untuk menghasilkan bakat dan masyarakat celik STEM ke arah memacu pembangunan ekonomi negara.

Kajian ini membincangkan persoalan pembangunan bakat berikutan pengambilan mata pelajaran STEM yang rendah di peringkat sekolah. Ia juga akan meneliti tarikan pekerjaan berasaskan STEM dari segi gaji dan faedah lain.



Pencergasan Industri

Selari dengan pembangunan yang pesat, bahagian ini akan membincangkan fungsi PKS dalam menetapkan kedudukan Malaysia sebagai penyedia teknologi demi mencapai visi industri 4.0, melalui penglibatan dewan-dewan perniagaan.



Pembudayaan STI

Pembudayaan sains merupakan usaha untuk meningkatkan kesedaran terhadap sains dalam kehidupan masyarakat, di luar pendidikan formal. Pengetahuan sains, pemikiran dan rasional saintifik dalam kalangan rakyat Malaysia akan dihuraikan dalam bahagian ini. Selain itu, indeks pembudayaan STI akan dicadangkan.



Hubungan Strategik Antarabangsa

Hubungan strategik antarabangsa merupakan faktor utama dalam memperkasakan inisiatif STI. Diplomasi sains akan diperkenalkan sebagai salah satu usaha Malaysia bagi mengatasi isu global selain mempertingkatkan kerjasama antarabangsa. Bagi menentukan kedudukan Malaysia dalam arena S&T global, impak dan hasil dari kerjasama antarabangsa akan dianalisa.

Keselamatan Siber

Berdasarkan Laporan Risiko Global 2015 oleh World Economic Forum (WEF), serangan siber disenaraikan antara 10 risiko global dari segi kebolehjadiannya. Kini, serangan siber dalam skala yang besar semakin kerap berlaku dan berpotensi untuk menyebabkan kerosakan teruk kepada infrastruktur digital dan fizikal. Oleh itu, keselamatan siber bukan hanya isu teknologi maklumat, tetapi melibatkan keselamatan negara. Maka, infrastruktur dan ruang siber perlu dilindungi.

Badan Bertindak Keselamatan Siber ditubuhkan untuk mencadangkan strategi dalam mengatasi isu keselamatan siber yang memberi kesan pada infrastruktur, perniagaan serta kesejahteraan rakyat. Laporan nasihat ini akan membincangkan cabaran dalam perundangan, peraturan dan penguatkuasaan kes jenayah siber. Laporan ini juga akan mengenengahkan isu-isu keselamatan siber secara holistik di mana lanskap keselamatan siber di Malaysia dan global diambil kira.

Salah satu petunjuk ancaman siber ialah penyebaran dan evolusi perisian hasad. Pada 2015, rakyat Malaysia telah berhadapan dengan 5,000 serangan perisian hasad atau 14 serangan sehari. Berdasarkan analisa dari Symantec Corporation, pada 2016, Malaysia berada di kedudukan ke-47 di dunia, dan ke-12 di Asia Pasifik dan Jepun, dari segi serangan perisian hasad.

Keselamatan ruang siber mampu dicapai dengan rekaan yang cermat, pembangunan dan pelaksanaan di setiap peringkat rangkaian peranti yang saling bersambung, tanpa mengira skala penyelesaiannya. Cadangan strategi dari pihak pengurusan tertinggi perlu dikuatkuasakan oleh pihak pentadbir dan penguatkuasa di peringkat negara dalam menjalankan usaha bersepadu bagi mewujudkan dan mengekalkan ekosistem siber yang selamat.

lembaran fakta

Pasaran keselamatan siber dianggarkan meningkat dari **USD122.45 bilion** pada 2016 ke **USD202.36 bilion** pada 2021 (MDEC).

15%

responden kajian : **jenayah terancang** sebagai punca kejadian

+12%

dari tahun 2014



Jenayah terancang mengikut negara



35%



22%



18%

Global State of Information Security Survey 2015 oleh PWC, CIO dan CSO

Memperkasa Komuniti Saintifik

+

ASM memperkasakan komuniti saintifiknya melalui Program STI. Empat platform utama, iaitu pembangunan keupayaan, konsortium sains, pengantara dan fora perundingan disasarkan untuk memudahcara elemen pengiktirafan, bakat dan pakatan kerjasama dalam lanskap STI.





Pembangunan Bakat

Pembangunan Profesional

Tenaga kerja yang inovatif dan progresif boleh dicapai melalui peningkatan ilmu dan kemahiran. Oleh itu, program pembangunan profesional yang dirancang secara teliti adalah penting. Justeru, Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) memfokuskan kepada pembangunan sumber manusia melalui program latihan dalam pelbagai bidang kepada penjawat awam dari negara-negara membangun, ASM menjalankan dua program dibawah MTCP.

Pengurusan Geopark Global - *"Natural Heritage Protection towards Sustainable Development"*

Kepelbagaian geo adalah asas kepada ekosistem dan interaksi manusia dengan persekitaran. Sebagai sebahagian daripada pembangunan mampan, pengurusan *geopark* merujuk kepada kemampuan individu atau negeri untuk bertindak dalam pembangunan dan pengurusan geopark dengan strategi dan polisi bagi menguruskan geopark dengan lebih baik.

Global Geopark Management 2016 bertemakan *"Natural Heritage Protection towards Sustainable Development"* memfokuskan kepada pengalaman, cabaran dan amalan pengurusan yang baik dalam menguruskan geopark sedia ada dan kawasan berpotensi bagi mencapai matlamat pembangunan mampan. Bengkel yang julung kali diadakan ini telah dianjurkan oleh ASM dengan kerjasama MOSTI, Kementerian Luar Negeri (KLN), NRE, Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM), Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan Sahabat Geopark Langkawi (SAGEL) di bawah MTCP. Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam mengenalpasti kaitan antara warisan geologi dengan aspek keseluruhan warisan budaya dan semulajadi geopark.

Analisis dan dapatan daripada bengkel ini dibentangkan kepada wakil dari Jabatan Mineral dan Galian (JMG), Jabatan Kimia Kedah, Jabatan Meteorologi Kedah, SAGEL, LADA dan MOSTI.

lembaran fakta

19 peserta dari **12** buah negara
14-20 Mei, Langkawi

sekilas

- MTCP telah ditubuhkan pada tahun 1978 semasa berlangsungnya *Commonwealth Heads of Government Meeting* (CHOGM) bagi rantau Asia Pasifik yang pertama dan dilancarkan secara rasminya pada tahun 1980 di *Commonwealth Heads of State Meeting.*

- Sejak pelancarannya, lebih dari 20,000 peserta dari 138 buah negara telah menerima manfaat

- Bidang keutamaan adalah pentadbiran awam, tadbir urus yang baik, perkhidmatan kesihatan, pendidikan, pembangunan mampan, pertanian, pembasmian kemiskinan, pelaburan, ICT, dan perbankan.

- Langkawi UNESCO *Global Geopark* yang terletak di Barat Laut Semenanjung merupakan geopark pertama yang ditubuhkan di Malaysia. Terdiri daripada 99 pulau, geopark ini juga merupakan yang pertama di Asia Tenggara di bawah UNESCO's *Global Geoparks Network.* Geopark ini diuruskan dengan pendekatan berasaskan komuniti.

Essentials in STI Policy and Management
Memahami kedinamikan S&T dalam konteks perkembangan ekonomi dan pasaran adalah penting dalam perancangan dan pelaksanaan strategik untuk memacu transformasi negara. S&T merupakan salah satu pemacu strategik yang menyumbang kepada anjakan aktiviti ekonomi yang sederhana kepada aktiviti dengan nilai tambah yang tinggi. Oleh yang demikian, Polisi STI merupakan sebahagian daripada dasar pembangunan negara.

ASM dengan kerjasama KLN dan *UTM Perdana School* telah menganjurkan ASM-UTM *Certified Professional in STI Policy and Management for OIC Countries* (AUCPS) bertemakan *"Essentials in STI Policy and Management".* Program latihan selama empat hari ini memberi pendedahan kepada para peserta tentang Polisi STI dan pengurusan, dan membangunkan keupayaan untuk penggubalan dan pelaksanaan polisi STI negara.

Peserta diberi pengiktirafan sebagai Profesional dalam Polisi STI dan Pengurusan oleh *UTM Perdana School* setelah melengkapkan tugasan individu dalam masa tiga bulan sejurus selepas latihan tamat. Dengan perakuan ini, peserta layak untuk melatih dan membimbing penggubalan Polisi STI.

lembaran fakta

11 peserta dari **9** negara.

16-20 Mei, Kuala Lumpur



Pembangunan Saintis Muda

ASM menyedari kepentingan saintis muda menonjolkan potensi mereka dalam menyelesaikan isu global serta memacu Malaysia ke arah daya saing STI. Menerusi kerjasama ASM dengan institusi dan organisasi STI global, saintis muda diberi peluang untuk mengembangkan potensi mereka untuk menjadi saintis yang berkaliber dan mampu untuk menyumbang kepada kemajuan STI global dan seterusnya diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pelbagai program telah dijalankan, antaranya ialah:

- Lawatan sambil belajar
- Penempatan di organisasi terpilih
- Program mentor-mentee

Musim Panas di LHC

CERN *Summer Student Programme* (CSSP) menawarkan pengalaman bekerja bersama kumpulan penyelidik CERN di Geneva, Switzerland selama lapan minggu. Pelajar dari bidang fizik, pengkomputeran, dan kejuruteraan yang dicalonkan oleh ASM perlu melalui proses saringan yang ketat sebelum dipilih. Melalui program ini, para pelajar dapat memperluas jaringan kerjasama antarabangsa serta memperoleh pengalaman berharga bekerja dalam persekitaran yang terdiri daripada pelbagai budaya dan disiplin.

lembaran fakta

15 pelajar telah menyertai Program CERN *Summer Student* sejak 2012

278 pelajar dari **87** negara telah menyertai Program CERN *Summer Student*

sekilas

3 pelajar yang dipilih daripada **11** pemohon:
- Chin Yuk Ming (UMP)
- Muhammad Amirullah Miswan (UKM)
- Muhammad Safwan Zaini (UPM)

Perluasan Penyelidikan dengan Analisis Sistem

International Institute for Applied Systems Analysis (IIASA) telah menganjurkan IIASA *Young Scientists Summer Program* (YSSP) iaitu program tahunan yang dijalankan selama tiga bulan. IIASA YSSP menawarkan peluang yang unik kepada saintis muda Malaysia untuk menjalankan penyelidikan bebas di bawah seliaan saintis berpengalaman IIASA.

lembaran fakta

7 saintis muda Malaysia telah menyertai program ini sejak 2011

Rachel Hoo Poh Ying (UTM) terpilih untuk menghadiri IIASA YSSP 2016 dibawah *Mitigation of Air Pollution and Greenhouse Gases Programme* (MAG)

sekilas

- IIASA merupakan sebuah institusi sains antarabangsa yang menjalankan penyelidikan berorientasikan dasar dalam menangani permasalahan global seperti perubahan iklim, neksus air-tenaga-makanan serta kemiskinan dan agihan kekayaan yang sama rata yang terlalu kompleks untuk diselesaikan oleh hanya sebuah negara.
- ASM mewakili Malaysia sebagai sebuah Organisasi Negara Ahli (NMO) dalam IIASA sejak tahun 2011.


Bimbingan


Hala Tuju


Latihan


Misi

Interaksi Bersama Penerima Nobel
Setiap tahun, saintis muda yang terpilih dari seluruh dunia berpeluang untuk bertemu dengan penerima Hadiah Nobel dari bidang Fizik, Kimia dan Fisiologi & Perubatan. Dialog inter-generasi ini menawarkan satu platform yang baik untuk perkembangan saintis muda negara dengan menyediakan peluang untuk mereka berinteraksi dengan penerima Hadiah Nobel dan rakan-rakan saintifik dari seluruh dunia. Para peserta Mesyuarat Lindau dipilih antara yang terbaik dari institusi akademik dan yayasan.

lembaran fakta

5 Saintis Muda Malaysia dipilih:
- Dr Lim Kok Sing (UM)
- Dr Suhaila Sepeai (UKM)
- Dr Tan Sin Tee (UKM)
- Dr Yap Wing Fen (UPM)
- Dr Farah Diana Muhammad (UPM)

sekilas

- Mesyuarat Lindau ke-66 (khusus untuk Fizik) diadakan pada 26 Jun - 1 Julai di Lindau, Jerman. Delegasi Malaysia diketuai oleh Profesor Dato' Dr Rosihan Mohamed Ali FASc.

- Mesyuarat selama empat hari itu merangkumi kuliah pleno, perbincangan saintis muda, kelas pakar dan perbincangan tiga panel mengenai *"Glimpses Beyond the Standard Model", "Is Quantum Technology the Future of the 21st Century?"* dan *"The Future of Education in Sciences".*

Membentuk Pemimpin Masa Hadapan dalam bidang Kesihatan Global
Sebagai ahli IAMP, ASM memberi peluang kepada pengamal perubatan muda untuk mengasah kemahiran kepimpinan mereka dengan mengambil bahagian dalam program IAMP *Young Physician Leaders.* Program ini merangkumi tiga bahagian termasuk:

- Program pembangunan kepimpinan;

- Lawatan akademik ke makmal penyelidikan kesihatan di Jerman; dan

- Penyertaan sebagai penceramah dan tetamu khas dalam acara *World Health Summit.*

lembaran fakta

7 peserta Malaysia telah menghadiri program IAMP *Young Physician Leaders* sejak 2011.

24 peserta terpilih dari seluruh dunia telah mengambil bahagian dalam Program IAMP Y*oung Physician Leaders* pada 6 Oktober.

Super Science Highschool Student Fair
Pelajar Malaysia telah menyertai Pesta *Super Science High School* (SSH) yang bukan sahaja bermatlamat meningkatkan minat di kalangan generasi muda tetapi juga mendedahkan mereka secara global kepada pendidikan STEM.

Program ini mengumpulkan pelajar sekolah menengah dari pelbagai Negara untuk mempamerkan ilmu pengetahuan saintifik melalui rekaan poster dan pembentangan lisan. Penganjuran pesta ini bertujuan untuk membina rangkaian saintis muda yang akan bekerjasama menjalankan kerja P&P secara kolaboratif untuk mengatasi masalah global dan menggalakkan kesejahteraan rakyat.

Tahun ini, ASM dengan kerjasama JST telah menaja pemenang Cabaran Aplikasi STEM untuk menyertai SSH. Peserta Malaysia mempamerkan aplikasi telefon pintar yang direka semasa pertandingan tersebut.

lembaran fakta

Penyertaan pelajar dari **9** buah Negara
10 – 11 Ogos, Pusat Konvensyen Kobe, Jepun

sekilas

STEM Apps Challenge dianjurkan oleh ASM, MaGIC-X UTM dan PERINTIS

Pemenang – SM Islam Hidayah, Johor



Penglibatan

National Science Challenge

Menyedari keperluan kemahiran STEM dalam kalangan generasi muda untuk mencapai kejayaan dalam ekonomi yang pesat ini, ASM dengan kerjasama Exxon Mobil Subsidiaries menganjurkan pertandingan sains untuk pelajar sekolah menengah. Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan pemahaman, kesedaran dan penghayatan STEM dalam kalangan pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Program ini dijayakan dengan sokongan daripada YSN-ASM, MOE, MARA, JST, UKM, UPM, UTM dan UiTM.

Pada tahun ini, Cabaran Sains Nasional telah dilaksanakan mengikut tiga peringkat; Peringkat Saringan, Peringkat Negeri, dan Peringkat Akhir, dengan format yang ditambah baik. Pertandingan peringkat negeri telah dijalankan di universiti-universiti tempatan dengan penyertaan lima buah pasukan dari setiap negeri berentap untuk menjadi juara. Pemenang peringkat negeri seterusnya mara ke peringkat akhir (Kem Sains) yang dijalankan selama 10 hari. Pada peringkat ini, pelajar dikehendaki menjalankan eksperimen di makmal universiti serta membangunkan aplikasi permainan dalam talian sebagai projek mereka. Empat pasukan disenarai pendek daripada 16 pasukan seterusnya bertanding dalam peringkat akhir.

Pemenang membawa pulang Piala Cabaran Perdana Menteri dan lawatan sambil belajar ke Stockholm, Sweden bagi menyaksikan majlis penyampaian Hadiah Nobel. Para finalis pula berpeluang mengikuti lawatan sambil belajar ke Jepun selama seminggu tajaan JST.

lembaran fakta

Daripada **13,563** pendaftaran, seramai **12,560** telah menyertai Peringkat awal.

Finalis NSC
- SMK Labuan (Pemenang)
- MRSM Langkawi (Tempat Ke-2)
- MRSM Tun Abdul Razak (Tempat Ke-3)
- SMS Sultan Mahmud (Tempat Ke-4)

12, 560 pelajar telah menyertai Peringkat awal
National Science Challenge



Perak
338



Sabah
648



Selangor
1,440



Terengganu
1,542



Kedah
1,359



Kelantan
561



Melaka
630



Negeri Sembilan
771



Perlis
231



Pulau Pinang
1,143



W.P Putrajaya
138



W. P Labuan
78



Johor
1,341



Sarawak
942



Pahang
846



W.P Kuala Lumpur
552

Innovati Sosial MOSTI – Program DUTA SAINS

Kefahaman dan pengetahuan yang tinggi masyarakat dalam STI membolehkan penyampaian, adaptasi dan penggunaan ilmu saintifik yang berkesan dalam sesebuah negara. Oleh yang demikian, ASM memperkenalkan program Duta Sains yang bertujuan memperkasakan komuniti melalui STI. Bagi melaksanakan inisiatif ini, ASM melantik wakil dalam kalangan ahli komuniti. Wakil yang dikenali sebagai Duta Sains ini akan bekerjasama dengan komuniti tempatan dibawah seliaan pakar-pakar dari ASM bagi memenuhi objektif seperti berikut:

- **Meningkatkan kefahaman & kesedaran sains** dalam kalangan komuniti
- **Membentuk komuniti berpengetahuan** yang dilengkapi dengan kemahiran dan ilmu untuk menyelesaikan masalah tempatan
- **Meningkatkan minat dalam kalangan generasi muda untuk memilih pendidikan dan kerjaya dalam sains**

ASM telah melaksanakan program Duta Sains di empat kawasan parlimen iaitu Jerlun, Kedah; Setiu, Terengganu; Tangga Batu, Melaka; dan Tuaran, Sabah.



Hasil utama program Duta Sains adalah;

Menyelesaikan masalah tanah jerlus di Jerlun
Jaringan kerjasama telah dibentuk antara penyelidik Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), dan juga penyelidik dari USM dan UPM bagi mencari penyelesaian kepada masalah tanah jerlus di Jerlun. Tanah yang sebelum ini ditetapkan bagi tujuan pertanian adalah di bawah seliaan MADA. Melalui kerjasama ini, laporan awal telah disediakan. Cadangan penyelesaian ini diharap dapat meningkatkan pengeluaran padi di kawasan ini serta menambah pendapatan komuniti yang terlibat.

Bengkel latihan IBSE di Jerlun, Setiu dan Tuaran
Bengkel latihan IBSE telah melatih 52 orang guru sekolah rendah. Guru-guru yang terlatih akan memainkan peranan sebagai fasilitator dan menggalakkan para pelajar meneliti dan mengkaji elemen sains di sebalik sesuatu kejadian dalam persekitaran mereka. Para guru juga menjadi lebih kreatif, serba boleh dan inovatif semasa mengajar subjek sains kepada pelajar. Dengan ini, diharapkan para pelajar akan lebih berminat untuk mengikuti pembelajaran STEM. ASM akan terus memantau dan menyediakan bimbingan kepada para guru pada tahun 2017.

Pengkomersilan produk tempatan di Tangga Batu
Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah mendapat manfaat dari program ini terutamanya dalam aspek pembangunan dan pengkomersilan produk tempatan. ASM membantu dalam membentuk jaringan kerjasama antara PKS dan institusi penyelidikan. Di samping itu, permohonan untuk tanda dagangan, logo, portal e-perniagaan dan analisis produk telah dihantar bagi produk yang mempunyai nilai komersil untuk memenuhi piawaian Malaysia.

sekilas

Inovasi Sosial MOSTI (MSI) merupakan cetusan idea yang diwujudkan bagi menggantikan *Community Innofund* (CIF). Melalui MSI, MOSTI mensasarkan peningkatan tahap kesejahteraan rakyat dengan menyelesaikan isu-isu yang dihadapi masyarakat. Ini boleh dicapai melalui usaha kolaboratif, peningkatan kemahiran dan inovasi bagi menambahbaik idea, produk atau perkhidmatan semasa.

Kelas Bimbingan Sains
Di samping itu, ASM juga telah menjalankan kelas bimbingan subjek sains kepada pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan 5 bagi sekolah sekitar Putrajaya. Program ini dijalankan dengan kerjasama PUSPANITA. Selain kelas bimbingan, tiga seminar intensif telah diadakan sebagai langkah persediaan bagi calon-calon yang akan menduduki peperiksaan. Para peserta diharap dapat mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan utama negara.

lembaran fakta

Duta Sains yang dilantik
8 guru di Jerlun, Kedah

16 guru di Setiu, Terengganu

4 usahawan di Tangga Batu, Melaka

40 guru di Tuaran, Sabah

Pendidikan Sains Berasaskan Inkuiri (IBSE) 2.0

Pada tahun 2012 dan 2013, ASM telah menjalankan projek rintis IBSE di empat buah sekolah rendah yang terpilih di Daerah Hulu Langat. Tujuan utama projek rintis ini adalah untuk melihat kebolehlaksanaan IBSE dan bagaimana ia dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sains serta merangsang prestasi murid dalam subjek sains. Dapatan dari laporan kajian ini menunjukkan bahawa IBSE boleh dilaksanakan di sekolah rendah dan menunjukkan impak positif kepada guru dan murid.

Berikutan dari kejayaan ini, ASM telah memperkenalkan IBSE 2.0 (2016-2017) bagi memberikan bimbingan dan pemantauan yang berterusan kepada guru-guru terlatih dari sekolah terlibat. Pada tahun 2016, ASM berjaya menjalankan empat Bengkel Hujung Minggu dan satu Bengkel Residensi melibatkan 49 orang guru termasuk lima guru dari Sekolah Sri Bestari, Sri Damansara (sekolah swasta).

Jerayawara: Draf Kod Tatalaku Biosekuriti 2016

Pada peringkat awalnya, biosekuriti merujuk kepada kebimbangan golongan petani dan pencinta alam sekitar terhadap risiko penyebaran penyakit berjangkit kepada hasil tani dan ternakan. Kini, ia menjadi kebimbangan utama dalam kalangan saintis, penggubal dasar, agensi keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang.

Selari dengan usaha Malaysia untuk mempromosikan bidang bioteknologi, langkah-langkah keselamatan perlu diambil sebagai perlindungan dari kehilangan, kecurian, salah guna, penyelewengan dan pelepasan patogen dan toksin secara sengaja. Walaubagaimanapun, langkah-langkah ini tidak sepatutnya merencat kemajuan penyelidikan biologi.

Oleh itu, di bawah *International Framework of the Biological and Toxin Weapons Convention,* program jerayawara telah dianjurkan bagi meningkatkan kesedaran pelaksanaan *Code of Conduct* (CoC) Biosekuriti. CoC telah diilhamkan oleh STRIDE, dengan konsultasi daripada pengamal dan pihak berkepentingan dalam kajian sains hayat dari kalangan akademia, industri dan kerajaan. CoC bertujuan untuk menggalakkan ketelusan dalam penyelidikan biologi dan bidang sains hayat yang lain bagi mengurangkan risiko penyalahgunaan. Ia juga menggariskan panduan bagi RCR dan menguatkuasakan piawaian sedia ada dalam mempraktikkan akauntabiliti dan komunikasi yang beretika.



lembaran fakta

300 peserta

7 penceramah daripada pelbagai insititusi dan agensi

6 program
- STRIDE – 17 Februari
- USM Kubang Kerian – 21 Februari
- UIAM Kampus Kuantan – 11 Mac
- USM Pulau Pinang – 4 April
- QIUP – 6 April
- UMS – 25 April

Wilayah Utara: Program Perkembangan Belia

Program bimbingan dalam projek penyelidikan dapat memberikan pembelajaran berasaskan pengalaman kepada para pelajar dan merupakan satu cara yang berkesan untuk memupuk minat mereka terhadap STEM. Kem Industri Belia telah menambahbaik format dan skop program yang kini dikenali sebagai Program Kejuruteraan, Sains dan Teknologi Belia Wilayah Utara. Program ini membolehkan para pelajar untuk menjalankan projek penyelidikan selama enam bulan. Program ini merupakan anjuran USM dengan kerjasama *Chapter* ASM Wilayah Utara dan pihak industri dari utara Semenanjung.

Pada awalnya, pelajar menjalankan kajian secara bebas tanpa bimbingan dari pakar. Seterusnya, jurutera industri, penyelidik universiti dan ahli YSN-ASM memberikan bimbingan dan panduan kepada mereka terutamanya dalam kemahiran menyelesaikan masalah dan metodologi teknikal. Pelajar membentangkan hasil kajian mereka kepada panel juri pada penghujung program. MRSM Taiping dipilih sebagai pemenang untuk projek *"Hands-free Bicycle Turn Signal"*.

lembaran fakta

- Melibatkan pelajar tingkatan 2 hingga 4
- **36** kumpulan dengan **36** projek berasaskan STEM

Wilayah Selatan: Kemajuan Sains dalam Katalisis

UTM dengan kerjasama *Chapter ASM* Wilayah Selatan telah menganjurkan Seminar Antarabangsa dalam Katalisis (iCAT) 2016 bertemakan *"Frontier, Challenges and Opportunities in Catalysis"*. Pemenang Hadiah Nobel, Akira Suzuki, telah menyampaikan ucaptama di seminar ini. Ahli akademik, saintis, penyelidik dan para pelajar bertukar-tukar idea dan pengetahuan tentang kemajuan terkini dalam penyelidikan katalisis.

Bersempena dengan seminar ini, pemenang Hadiah Nobel Akira Suzuki telah menyampaikan syarahan umum. Beliau berkongsi 40 tahun pengalaman dan kajian dalam 'Tindakbalas Suzuki' yang dibangunkan berdasarkan pembentukan ikatan karbon-karbon yang merupakan proses penting dalam kimia.

lembaran fakta

iCAT
- Anjuran UTM dan *Chapter ASM* Wilayah Utara
- 20 – 21 September di UTM Johor Bahru
- **7** penceramah
- **100** peserta

Syarahan Nobel Laureate
- Anjuran UTM dan *Chapter ASM* Wilayah Utara
- 22 September di UTM Johor Bahru
- **200** peserta

Wilayah Selatan: Memupuk Pelajar Berinovatif

Cabaran Inovasi Sains dianjurkan bagi menggalakkan pelajar menghasilkan produk berinovatif yang dapat menyelesaikan masalah harian. Program ini diilhamkan untuk merealisasikan Lembah Inovasi Iskandar di Johor. Produk inovatif pelajar diadili oleh panel hakim dari IKM dan UTM. Pelajar berpeluang memenangi pelbagai hadiah termasuk Anugerah Khas ASM yang dimenangi oleh SMK Infant Jesus untuk projek mereka bertajuk *"Reduction of Plastic Waste Using New Fabricated Infinite Spoon"*.

lembaran fakta

- Anjuran UTM, *Chapter ASM* Wilayah Utara, Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN), American Chemical Society Malaysia (ACS), dan Institut Kimia Malaysia (IKM)
- 22 September di UTM Johor Bahru
- Penyertaan dari **96** pasukan, **40** pasukan dipilih ke peringkat akhir

sekilas

ASM berhasrat untuk meningkatkan keterlihatannya dalam kalangan komuniti saintifik, mengeratkan hubungan kerjasama antara golongan profesional dan ASM, serta menguatkan jaringan kerjasama ahli ASM di seluruh Malaysia. Kini, ASM telah menubuhkan dua *Chapter* iaitu di Wilayah Utara dan Wilayah Selatan.

Anugerah & Geran



Anugerah dan geran penting untuk memberi motivasi kepada penyelidik dalam membangunkan idea dan penerokaan ilmu baru serta menyelesaikan isu-isu tempatan melalui pendekatan inovatif dan praktikal. Justeru, kepakaran ASM sering dimanfaatkan oleh pelbagai organisasi untuk menjalankan proses pemilihan anugerah dan geran. ASM memanfaatkan kepakaran anggotanya dalam menyediakan ulasan, penilaian dan cadangan bebas berdasarkan merit.

Mahathir Science Award

Anugerah antarabangsa oleh *Mahathir Science Award Foundation* (MSAF) ini mengiktiraf penyelidikan yang menyumbang kepada pengetahuan baru dalam mencari penyelesaian kepada masalah-masalah di kawasan tropika. Kajian tersebut perlulah menunjukkan impak yang besar terhadap sosio-ekonomi selain dari menyumbang kepada dasar dan tadbir urus yang membawa kepada peningkatan kualiti hidup dalam bidang Pertanian Tropika, Senibina dan Kejuruteraan Tropika, Perubatan Tropika dan Sumber Asli Tropika.

lembaran fakta

192 pencalonan telah diterima dari **30** buah negara (2005-2016)

10 penerima setakat ini, dengan jumlah hadiah bernilai **RM2,000,000**



MAKNA Cancer Research Award

Majlis Kanser Nasional (MAKNA) menganugerahkan geran ini kepada penyelidik muda Malaysia dengan rekod yang cemerlang dalam penyelidikan kanser. Anugerah ini bertujuan untuk menggalakkan penyelidikan kanser dalam kalangan saintis muda dan meningkatkan sumbangan Malaysia dalam rawatan pelbagai jenis kanser.

lembaran fakta

Penerima *MAKNA Cancer Research Award*:
- Dr Asrul Akmal Shafie (USM)
- Dr Oon Chern Ein (USM)
- Dr Teow Sin Yeang (Sunway University)

Penerima Anugerah *MAKNA Cancer Research* menerima geran penyelidikan berjumlah
RM89,800.00

488 permohonan telah diterima dari 2001-2016

47 pemohon telah dianugerahkan setakat ini dengan jumlah geran sebanyak
RM1,534,635

Anugerah Inovasi Bioekonomi

Anugerah Inovasi Bioekonomi (BIA) adalah pertandingan tahunan yang dianjurkan sejak tahun 2008. Anugerah ini mengiktiraf universiti atau institusi penyelidikan yang telah mencipta penyelesaian inovatif bagi cabaran-cabaran teknikal, sosial dan alam sekitar melalui teknologi berasaskan bio.

BIA 2016 telah dianjurkan oleh *Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd* dengan kerjasama ASM untuk menghubungkan peserta dengan rakan perniagaan dan pelabur. Tumpuan yang diberikan adalah untuk meningkatkan pengkomersilan teknologi dalam kategori berikut:

i) Pertanian/Industri Asas Tani
ii) Teknologi Bio-industri
iii) Kesihatan
iv) Teknologi Hijau dan Teknologi Boleh Diperbaharui

lembaran fakta

77 permohonan telah diterima

Seorang pemenang bagi pingat emas, perak dan gangsa dipilih untuk setiap kategori

3 Anugerah Khas:
- Inovasi Bioekonomi Terbaik Tahunan
- Inovasi Paling Berpotensi
- Teknologi Paling Inovatif



Pencalonan bagi Anugerah Antarabangsa

Sebagai badan yang bertanggungjawab membuat pencalonan, ASM telah menamakan beberapa saintis cemerlang Malaysia untuk anugerah antarabangsa seperti berikut:

2016 *Islamic Development Bank (IDB)* Prize oleh IDB Arab Saudi
Anugerah ini menggalakkan persaingan sihat antara pusat penyelidikan dan pendidikan S&T dalam Negara Ahli IDB ke arah kecemerlangan. Ia juga meningkatkan kesedaran terhadap polisi di kalangan penggubal dasar tentang sumbangan S&T kepada pembangunan mampan. Kategorinya adalah seperti berikut:
1. Institusi yang menyumbang kepada kemajuan saintifik atau teknologi bagi pembangunan negara ahli
2. Institusi yang menyumbang kepada bidang sains yang berikut: Kejuruteraan; Pertanian; Perubatan; Bioteknologi; Teknologi Maklumat; Optronik; Sains Bahan; Farmaseutikal; Mikroelektronik Industri; Nanoteknologi; dan Sumber Tenaga Alternatif
3. Institusi Penyelidikan Sains yang terkemuka dalam negara ahli IDB yang kurang membangun (LDMCs)

2016 *Science & Technology Award* oleh *Malaysia Toray Science Foundation (MTSF)*
Anugerah ini mengiktiraf saintis Malaysia yang telah membuat penemuan saintifik unggul dan berjaya menyelesaikan masalah teknologi utama secara mesra ekonomi melalui ciptaan yang asli, berevolusi dan penting.

2016 *Nikkei Asia Prize* oleh Nikkei Inc. Jepun
Anugerah ini mengiktiraf pencapaian cemerlang yang menyumbang kepada pembangunan mampan rantau ini serta masa depan yang lebih cerah untuk Asia. Terdapat tiga kategori iaitu:
1. Inovasi Ekonomi dan Perniagaan
2. Sains, Teknologi dan Persekitaran
3. Komuniti dan Kebudayaan

2016 *Mustafa Prize Award* oleh *Al Seraj Technology Centre, Pardis Technology Park*, Iran
Pengiktirafan ini dianugerahkan kepada para saintis yang telah menghasilkan inovasi canggih dalam bidang sains dan menemukan kaedah saintifik baru ke arah kehidupan yang lebih baik. Ia bertujuan untuk meningkatkan jalinan kerjasama antara para akademia dan penyelidik bagi meningkatkan pertumbuhan sains dalam kalangan negara ahli OIC. Terdapat empat kategori iaitu:
1. Sains dan Teknologi Komunikasi dan Informasi
2. Sains dan Teknologi Perubatan dan Hayat
3. Nanoteknologi dan Sains Nano
4. Pencapaian Saintifik Unggul dalam bidang lain

2016 *TWAS Prizes oleh The World Academy of Sciences (TWAS)*
Anugerah ini mengiktiraf saintis dari negara membangun bagi menghargai sumbangan mereka kepada pengetahuan dalam sembilan bidang sains dan/atau kepada aplikasi S&T untuk pembangunan yang mampan. Sembilan bidang tersebut adalah, sains pertanian, biologi, kimia, sains bumi, astronomi & angkasa, sains kejuruteraan, matematik, sains perubatan, fizik, sains sosial.

Dana Penyelidikan Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh

Mendiang Dr Ranjeet Bhagwan Singh merupakan penyelidik perubatan terkemuka yang mewariskan hartanya kepada Tabung Pembiayaan Dr Ranjeet Bhagwan Singh. Tabung ini ditubuhkan bagi menggalakkan pendidikan kepada golongan yang memerlukan, tanpa mengira bangsa, warna kulit dan agama. Beliau telah menyumbang kepada bidang penyelidikan perubatan dan saintifik, dan juga kepada pembangunan makmal diagnostik di Malaysia.

MOSTI adalah pemegang amanah untuk Tabung Amanah Penyelidikan Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh (RBS). Tabung amanah ini bertujuan menggalakkan penyelidikan perubatan dan biomedikal di Malaysia. ASM diamanahkan oleh MOSTI untuk melaksanakan program seperti:

Geran Penyelidikan RBS
Geran Penyelidikan RBS adalah program tahunan di bawah Tabung Amanah Penyelidikan Perubatan RBS yang dianugerahkan kepada seorang saintis muda Malaysia untuk menjalankan kajian perubatan / biomedikal.

Geran Bengkel Penyelidikan RBS
Geran Bengkel Penyelidikan RBS ialah program dwi-tahunan di bawah Tabung Amanah Penyelidikan Perubatan RBS. Geran ini diberikan kepada seorang saintis atau institusi Malaysia untuk menjalankan bengkel bagi memperkenalkan teknik-teknik penyelidikan baru atau meningkatkan teknologi penyelidikan dalam bidang perubatan atau biomedikal.

lembaran fakta

Geran Penyelidikan RBS 2015 telah dianugerahkan kepada Dr Dharmani Devi Murugan dari UM pada tahun 2016 untuk penyelidikan beliau yang bertajuk *"Mechanism of actions of the direct vasorelaxant actions of des-Aspartate-angiotensin I (DAA-I), a potential antihypertensive peptide"*.

Geran Bengkel Penyelidikan RBS 2015 telah dianugerahkan kepada Assoc Prof Ir Dr Abdul Manaf Hashim dari UTM untuk bengkel beliau yang bertajuk *"RBS Workshop on Biocompatible Nanomaterials and Nanodevices for Bio-Medical Applications"*.

Geran Penyelidikan RBS 2016 telah dianugerahkan kepada Dr Yee Pin Tsin dari Sunway Universiti untuk kajian beliau bertajuk *"Design of a live attenuated vaccine (LAV) for the prevention of severe hand. foot and mouth disease (HFMD) caused by Enterovirus 71 (EV-A71)"*.

Program Flagship, Peruntukan Khas Agensi dan ScienceFund melalui Platform ASM

MOSTI menawarkan beberapa geran P&P untuk menggalakkan pembangunan penyelidikan dan pengkomersilan di Malaysia. Geran-geran ini menyokong perkembangan pengetahuan asas yang kukuh dalam bidang sains selain dari memperkasakan penyelidikan gunaan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Melalui ASM, Felo boleh mengemukakan cadangan penyelidikan yang penting kepada negara serta menerapkan konsep kolaboratif yang sama seperti konsortium.

lembaran fakta

Program DSTIN Flagship
Moving up the Value Chain and Environmentally Friendly Processes in Silicon Photovoltaic Technology: Non-toxic Processes, Wafering and Crystal Growth

Dana Khas untuk Agensi
Development of Yeast System for Flavonoid Production

Projek ScienceFund
Time Dependent Changes of Morphology and Molecular Characterization around the Intracerebellar Haemorrhage (ICbH) Penumbra in C57B6/J Mice Brain Slices

Kumpulan Pemantauan Projek

MOSTI telah melantik ASM sebagai Kumpulan Pemantauan Projek (PMT) untuk memantau pelaksanaan projek P&P yang diluluskan di bawah RMKe-9 dan RMKe-10 sejak 2008. Felo ASM bertindak sebagai ahli panel PMT untuk menilai dan memantau kemajuan projek.

lembaran fakta

3 projek *Flagship*

10 projek *TechnoFund*

3 projek *Community Innovation Fund*

Dana *Newton-Ungku Omar*

Kerajaan UK telah melancarkan Dana Newton pada tahun 2014 memfokuskan kepada perkongsian sains dan teknologi untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan kebajikan sosial negara-negara sekutu. Ia dijalankan melalui perkongsian di mana kedua-dua negara menyumbang secara bersama kepada dana. Buat masa ini, terdapat 16 negara-negara sekutu.

Bermula dari tahun 2015, Kerajaan Malaysia telah bekerjasama dengan Kerajaan UK sebagai satu inisiatif di bawah *Science to Action* (S2A). Oleh itu, Dana Newton dikenali sebagai Dana Newton-Ungku Omar di Malaysia. Sebagai penaja, MiGHT menyediakan geran sepadan sementara ASM, MOE dan MetMalaysia bertindak sebagai badan pelaksana.

Aktiviti NUOF meliputi perkembangan komuniti sains dan inovasi Malaysia melalui fellowship, skim mobiliti dan pusat kerjasama; membentuk kerjasama penyelidikan untuk topik pembangunan; dan mewujudkan rakan kongsi inovasi dan dana cabaran untuk membentuk penyelesaian inovatif dalam topik pembangunan.

ASM menjalankan tujuh aktiviti dengan kerjasama tiga institusi UK. Aktiviti tersebut adalah:

Program bersama British Council
Jaringan Penyelidik (Geran Bengkel) – Dana bagi menganjurkan bengkel penyelidikan untuk mewujudkan jaringan dan menyokong pembinaan kapasiti dalam kalangan penyelidik muda di Malaysia dan UK.

lembaran fakta

Newton Researcher Links
Geran sehingga **£85,000**/setahun

Panggilan kedua- **14** permohonan

6 penerima (**1** tajaan Kerajaan Malaysia & **5** tajaan Kerajaan UK)

Program bersama Royal Society, British Academy dan Royal Academy of Engineering
a) *Advanced Fellowships:*
Memberi peluang kepada penyelidik antarabangsa untuk membangunkan kekuatan dan kebolehan kumpulan penyelidik mereka melalui latihan, kolaborasi dan lawatan kerja dua hala dengan rakan penyelidik di UK.

lembaran fakta

Newton Advanced Fellowships for Natural Sciences
Geran sehingga **£111,000**/setahun

Panggilan pertama - **3** permohonan

2 penerima (tajaan bersama oleh kedua-dua Kerajaan)

Newton Advanced Fellowships for Social Sciences & Humanities
Geran sehingga **£111,000**/setahun

Panggilan pertama - **4** permohonan

Panggilan kedua - **2** permohonan

4 penerima (tajaan bersama oleh kedua-dua Kerajaan)

b) Geran Mobiliti

Memperkukuhkan kapasiti penyelidikan dan inovasi penyelidik Malaysia dengan peluang membuat lawatan atau menghantar kakitangan dan pelajar ke UK. Inisiatif ini dapat membina jaringan dan kolaborasi projek penyelidikan dengan institusi dan komuniti penyelidik dan inovasi di UK.

lembaran fakta

Newton Mobility Grants for Natural Sciences

Geran sehingga **£18,000**/setahun

Panggilan pertama - **2** permohonan

Panggilan kedua - **4** permohonan

3 penerima (tajaan bersama oleh kedua-dua Kerajaan)

Newton Mobility Grants for Engineering (known as Newton Research Collaboration Programme

Geran sehingga **£36,000**/setahun

Panggilan pertama - **5** permohonan

Panggilan kedua- **10** permohonan

4 penerima (tajaan bersama oleh kedua-dua Kerajaan)

Newton Mobility Grants for Social Sciences and Humanities

Geran sehingga **£15,000**/setahun

Panggilan pertama - **8** permohonan

4 penerima (tajaan bersama oleh kedua-dua Kerajaan)

Program bersama Medical Research Council UK

Menyediakan dana kolaborasi penyelidikan selama 2 tahun untuk projek yang memfokuskan penyakit tidak berjangkit (NCDs) di Malaysia.

lembaran fakta

UK-Malaysia Bilateral Medical and Health Research Collaboration

Dana berjumlah **£2,000,000** bagi pelaksanaan projek yang diluluskan bagi tahun 2017 - 2018

Panggilan pertama - **34** permohonan

12 penerima (**9** adalah tajaan bersama oleh kedua-dua Kerajaan & **3** adalah tajaan Kerajaan UK)





Pengiktirafan

Mengiktiraf Minda Saintifik Negara

Saban tahun, Malaysia telah melahirkan ramai saintis ulung yang telah memberi sumbangan besar kepada kemajuan pengetahuan sains dan menghasilkan output penyelidikan berimpak tinggi. Top Research Scientists Malaysia (TRSM) berfungsi sebagai pangkalan data yang menjadi kayu ukur kepada lingkungan saintis terkemuka. Dengan ini, kita dapat mengenal pasti saintis Malaysia yang akan memacu negara ke arah ekonomi berasaskan inovasi serta menonjolkan mereka sebagai penggerak agenda STI negara. Melalui TRSM, ASM mengiktiraf saintis dengan pencapaian cemerlang dalam tempoh 6 tahun yang lalu. Sehingga kini, ASM telah mengiktiraf 120 orang saintis.

Inisiatif ini merupakan platfom bagi saintis Malaysia untuk menerajui agenda STI negara dan menjadi idola kecemerlangan. Mereka juga bertindak sebagai rujukan dalam bidang kepakaran mereka.

Penerima TRSM mengikut bidang:

- 33 Sains Kejuruteraan
- 12 Sains Kimia
- 9 Bioteknologi
- 8 Sains Biologi
- 11 Sains Gunaan & Teknologi
- 3 Sains Fizikal

Kriteria Pemilihan
Setiap permohonan akan melalui proses saringan yang ketat berpandukan kriteria pemilihan dan mekanisma pemarkahan standard. Kriteria utama adalah seperti berikut:
- Penghasilan ilmu
- Penyebaran ilmu
- Impak hasil penyelidikan

lembaran fakta

Pengguna berdaftar

3,581 pengguna berdaftar dalam pangkalan data TRSM (2012 – 2016)
- Awam **272**
- Pemohon **3,209**
- Pentadbir **6**

957 pengguna berdaftar dalam pangkalan data TRSM (2016)
- Awam **40**
- Pemohon **92**

Input Data ke dalam pangkalan data TRSM
- **1284** telah disiapkan (2012 – 2016)
- **453** telah disiapkan (2016)
- *http://www.mytopscientists.org*

sekilas

Kelayakan
- Pengiktirafan diberikan kepada saintis yang memegang kerakyatan dan bekerja di Malaysia dengan pencapaian cemerlang dalam STI dan diiktiraf di peringkat nasional dan antarabangsa.
- Semasa permohonan, calon perlu aktif dalam aktiviti penyelidikan dalam tempoh 5 tahun lalu dengan sekurang-kurangnya 10 tahun sumbangan kumulatif terhadap perkembangan STI.





Pengantara

Young Scientists Network

Young Scientists Network (YSN) telah diasaskan oleh ASM bertujuan mewujudkan jaringan saintis yang berbakat dan bermotivasi yang mampu berinteraksi, menyelaras dan melaksanakan program STI yang relevan. Melalui jaringan ini, saintis muda mampu menyuarakan pendapat secara berintegrasi dalam hal-hal berkaitan STI yang signifikan terutamanya dalam mempengaruhi penggubalan dasar.

Ahli YSN-ASM dilantik oleh Ahli Majlis ASM dari kalangan saintis muda cemerlang yang memiliki keupayaan untuk menyumbang kepada pemerkasaan komuniti saintifik di Malaysia. Berikut merupakan aktiviti yang dijalankan oleh YSN-ASM tahun ini:

lembaran fakta

20 ahli baru dipilih

28 ahli gabungan dipilih

18 ahli Exco baru dipilih bagi penggal 2016/2017

9 kumpulan kerja ditubuhkan

Jumlah ahli: **73** dengan, **47** ahli gabungan

http://ysn-asm.org.my/

Program Jangkauan Luar Sains
Program Jangkauan Luar Sains YSN-ASM bertujuan memupuk minat pelajar dalam bidang sains melalui pembelajaran interaktif dan pengalaman yang menyeronokkan serta mempromosikan sains sebagai pilihan kerjaya.

sekilas

Transmission of Scientific Community - Program untuk masyarakat Orang Asli 19 - 21 Februari, SMK Muhibbah, Sg Siput, Perak

Whizz Kids Science Workshop Series I and II – Program untuk kanak-kanak kurang berkemampuan dan ceramah sains 7 Mei & 27 Ogos, *Eden Handicap Service Centre*, Pulau Pinang & Rumah Kebajikan Seri Cahaya

Energy Explore Race, 11 Mei, SM Sains Kota Tinggi, Kota Tinggi, Johor

Karnival Creativity & Science 4U 2016, Negeri Sabah, 17-18 Mei, Dewan Tun Hamdan, Tamparuli, Sabah

Karnival Creativity & Science 4U 2016, Negeri Johor, 29- 30 Julai, Kluang Mall, Johor

*Kuala Lumpur Engineering Science Fair (*KLESF), 4 - 6 November, The Mines International Convention Center

Penang International Science Fair (PISF), 12- 13 November, The SPICE Arena Pulau Pinang

Kepimpinan Penyelidikan
Di bawah program ini, YSN-ASM menganjurkan dua aktiviti iaitu Young Investigator Award dan Meet the Expert Session. Program ini bertujuan mempromosikan kecemerlangan sains dalam kalangan penyelidik muda, selain mempromosikan YSN-ASM kepada komuniti saintifik.

Penganugerahan Young Investigator Award ini adalah sebagai pengiktirafan kepada kecemerlangan saintis muda. Calon anugerah ini dipilih dari kalangan saintis yang telah membentangkan kertas penyelidikan di seminar terpilih yang dianjurkan secara bersama oleh YSN-ASM.

sekilas

IEEE 6th International Conference on Photonics, 14-16 Mac

International Conference on Beneficial Microbes, 31 Mei-2 Jun

9th Regional Conference on Chemical Engineer (RCCHe), 21- 22 November

29th Symposium of Malaysian Chemical Engineers, 1- 3 Disember

Pan-Asian Biomedical Science Conference, 7 – 8 Disember

Dua sesi *Meet the Expert Session* dijalankan seperti berikut:
41st *MSBMB Annual Scientific Meeting,* 17– 8 Ogos

9th Regional Conference on Chemical Engineer (RCCHe), 21- 22 November

Memperkasakan Saintis Muda Malaysia
YSN-ASM turut memfokuskan kepada latihan saintis muda dalam penulisan artikel sebagai medium untuk menyampaikan hasil kajian, usaha dan ilmu saintifik serta kesan-kesannya kepada masyarakat. Ini juga membolehkan mereka berkongsi penyelidikan saintifik dan menyalurkan idea-idea konstruktif untuk membentuk masa depan ekosistem saintifik Malaysia.

lembaran fakta

Bengkel Science Journalism II
17 - 18 April

15 peserta

2 artikel diterbitkan dalam media

Kolokium YSN-ASM 2016 bertemakan *Maximise the impact!*
16 -18 Disember

82 peserta

Ahli Exco baru dipilih

Perancangan aktiviti **2017**

Mesyuarat Antarabangsa
YSN-ASM telah menempatkan dirinya di arena antarabangsa dengan menghadiri pelbagai mesyuarat dan bengkel dibawah naungan *Global Young Academy* (GYA)

lembaran fakta

4 mesyuarat antarabangsa

1 bengkel



Pelaksanaan Penyelidikan Beretika

Seiring dengan perkembangan sains dan profesionalisma, persoalan sama ada betul atau salah (dilema etika) mengenai bagaimana pengetahuan dijana, disahkan, disebarkan dan digunakan telah dibangkitkan. Kehidupan menjadi lebih sukar kepada individu yang beretika kerana mereka mungkin perlu melakukan tugas tambahan. Prinsip etika bertujuan untuk mengurangkan atau menyelesaikan dilema etika, menggariskan panduan kepada para saintis dan golongan profesional serta melindungi hak-hak dan keselamatan bahan kajian. Bioetika, agroetika, etika perniagaan, ekoetika, teknoetika dan roboetika adalah antara contoh kepada etika kepenggunaan.

Di Malaysia, isu etika dan integriti telah diketengahkan oleh MOHE melalui Malaysia Education Blueprint (2015-2025) dan juga oleh Pejabat Penasihat Sains kepada Perdana Menteri melalui *Malaysia Code Responsible Conduct of Research* (MCRCR).

YSN-ASM menerajui inisiatif RCR di Malaysia untuk menggalakkan penyelidikan yang berintegriti dalam kalangan saintis serta memastikan penyampaian hasil kajian yang tepat dan diyakini kepada umum. Ianya amat penting untuk memupuk keyakinan umum terhadap penyelidikan di Malaysia. Oleh itu, YSM-ASM telah mengendalikan bengkel kesedaran di universiti tempatan sejak 2015.

Topik bengkel termasuk salah laku dalam penyelidikan, hak pengarang, penyelidikan yang mempunyai dwi kegunaan yang membimbangkan dan sains kolaborasi. Selain itu, modul pendidikan juga telah dihasilkan oleh YSN-ASM dengan kerjasama Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dan MOHE melalui siri bengkel konsultatif iaitu RCR *Malaysian Educational Institute*. Modul ini bertujuan melatih para pelatih yang diiktiraf untuk RCR melalui kaedah pembelajaran aktif.

lembaran fakta

Bengkel kesedaran di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
27-28 April
Topik yang dibincangkan termasuk Salah Laku Penyelidikan, Penulisan & Penerbitan, Sains Kolaboratif dan Penyelidikan yang Mempunyai Dwi Kegunaan (DURC)

6 fasilitator mengendalikan bengkel

19 peserta

Pembangunan Modul Pendidikan RCR
19-23 September

44 peserta

***Mahathir Science Award Foundation* -**
Menerajui Sains Tropika

Mahathir Science Award Foundation (MSAF) telah ditubuhkan pada tahun 2010 bagi mentadbir Mahathir Science Award.

MSAF mengiktiraf penyelidik yang telah menjalankan kajian dan penyelidikan yang menyumbang kepada penerokaan ilmu pengetahuan dalam mencari penyelesaian kepada masalah di kawasan tropika, dengan impak yang jelas terhadap sosio-ekonomi serta sumbangan terhadap polisi dan tadbir urus yang menjurus kepada peningkatan kualiti hidup.

MSA 2015 telah dianugerahkan kepada Dr Rita Colwell di atas sumbangan yang tidak ternilai dalam bidang penyelidikan dan inovasi yang berimpak tinggi serta kepimpinan beliau di arena sains. Beliau juga berjaya mengubah kefahaman semasa terhadap ekologi penyakit berjangkit dan penggunaan teknologi canggih untuk menghalang penyebarannya. Beliau merupakan penerima wanita yang pertama untuk anugerah ini. Dr Colwell adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Bakteriologi dan Ijazah Sarjana Genetik dari Purdue University, serta Ijazah Kedoktoran Oseanografi dari University of Washington.

Sebelum majlis penyampaian anugerah diadakan, MSAF telah menganjurkan Minggu Laureate sebagai medium untuk Dr Colwell berkongsi kepakaran dan pengetahuan dengan audiens dari pelbagai peringkat. Dr Colwell telah menyuntik semangat saintis muda semasa sesi perbincangan intelektual ini.

Selain dari Minggu Laureate, MSA juga telah menganjurkan Siri Syarahan MSA memfokuskan kepada isu-isu penting dalam bidang sains tropika.

sekilas

Siri Syarahan MSA
Post COP21: *Translating the Paris Agreement through Strategic Investment in Science and Technology* oleh Emeritus Professor Lord Julian Hunt, salah seorang pemegang amanah MSA
8 Mac

Minggu Laureate MSA
Majlis Penganugerahan MSA
26 Oktober

Perbincangan Intelektual
Magnifying the Impact of Science
27 Oktober

Syarahan Umum
Beyond the Lab: Breaking New Ground
28 Oktober

lembaran fakta

192 Pencalonan diterima dari **30** negara (2005 – 2016)

10 penerima anugerah, dengan hadiah berjumlah **RM2,000,000**

Penerima MSA 2016 diumumkan pada bulan Mac

Hadiah : **USD100,000.00**, medal emas dan sijil

Lawatan Pengarah *Moroccan Teachers Training School (Ecole Normale Supérieure)* ke Malaysia

ASM dan *Hassan II Academy of Science and Technology (AHIIST)* telah bekerjasama sejak 2010 dalam program pertukaran pengetahuan antara akademi. Melalui program ini, pegawai kerajaan dan pendidik sains dari kedua-dua negara berpeluang untuk bertukar-tukar pengetahuan berkaitan kaedah pengajaran, sistem pendidikan, pembangunan kurikulum dan program kesedaran sains.

Sebagai kesinambungan dari kerjasama ini, ASM telah menerima kunjungan perwakilan *Moroccan Teachers Training School (Ecole Normale Supérieure)* diketuai oleh Profesor Mohammed Belaïche dari AHIIST.

sekilas

Institusi yang dilawati:
- Institut Pendidikan Guru – Kampus Pendidikan Teknik, Negeri Sembilan
- Institut Pendidikan Guru - Kampus Perempuan Melayu, Melaka
- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- Pusat Permata Insan
- SK Bandar Baru Bangi
- SM Agama Persekutuan Kajang

The International Science, Technology & Innovation Centre for South-south Coorporation (ISTIC)

Dalam usaha untuk mencapai tujuan utama penubuhannya, *International Science, Technology and Innovation Centre for South-south Cooperation under the Auspicious of UNESCO* (ISTIC) terus menjalankan beberapa program pembinaan kapasiti dalam pengurusan STI untuk negara-negara membangun. ISTIC bertindak sebagai pemudahcara bagi mengintegrasikan pendekatan pembangunan ke dalam dasar STI, pembangunan kapasiti STI, membentuk jaringan antara pusat-pusat kecemerlangan serta menyokong pertukaran pengetahuan.

ISTIC menganjurkan program pembinaan kapasiti yang memfokuskan kepada sistem tadbir urus STI bersepadu, teknokeusahawanan, mendidik pemimpin wanita dalam STI, penyelenggaraan infrastruktur, dasar dan tadbir urus STI, serta pengajaran dan pembelajaran sains melalui IBSE. Program-program ini adalah selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 4 dan 5.

ISTIC telah menganjurkan program *"Embracing the Future: Improving Quality of Science Instruction in Schools"* di Ibu Pejabat UNESCO, Perancis. Program ini membincangkan kaedah IBSE sebagai pedagogi inovatif bagi merangsang sifat ingin tahu dan membentuk kemahiran berfikir murid. Kaedah ini melibatkan pertanyaan soalan, membuat hipotesis, menyiasat, membuat penemuan, mencari penyelesaian dan berkomunikasi dengan berkesan. Ia telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah UNESCO, HE Irina Bokova dan Menteri Pendidikan Malaysia, YB Dato' Seri Mahdzir Khalid.

ISTIC telah berjaya meningkatkan jaringan rakan strategiknya melalui memorandum persefahaman dengan *National Institute of Science Technology and Innovation* (NISTI), Seychelles; *Centre for Science and Technology of Non-Aligned and Other Developing Countries* (NAM S&T Centre), India; dan *Isfahan Regional Center for Technology Incubators and Science Park Development* (IRIS), Iran.

sekilas

SDG 4 – memastikan pendidikan yang menyeluruh dan berkualiti kepada semua dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat

SDG 5 – mencapai kesamarataan jantina dan memperkasakan wanita

lembaran fakta

ISTIC merupakan pusat *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) kategori 2. Pada tahun ini, ISTIC telah bekerjasama dengan **23** organisasi.

ISTIC menjalankan **8** program pembangunan kapasiti yang memberi manfaat kepada **356** peserta dari **49** buah negara.

Program ISTIC memberi manfaat kepada **34.3%** negara ahli G77, merangkumi **46** dari **134** negara ahli.



ICSU Regional Office for Asia and the Pacific

ICSU Regional Office for Asia and the Pacific (ICSU ROAP) terus memainkan peranan penting dalam *Future Earth* melalui program *Sustainability Initiative in the Marginal Seas of South and East Asia* (SIMSEA) yang terus berkembang. Antara pencapaian utama program ini adalah pernubuhan SIMSEA *Research Node* di UMS. Simposium Serantau SIMSEA juga telah dianjurkan di Manila pada bulan Oktober.

Sumbangan kewangan ICSU terhadap program ini berakhir pada tahun ini dengan penutupan Pejabat Serantau SIMSEA pada hujung bulan Disember. SIMSEA merupakan salah satu sumbangan utama ROAP kepada kemajuan *Future Earth* di Asia, dan akan terus memainkan peranan penting dalam perkembangan *Future Earth Oceans Knowledge – Action Networks* (OCEANS KAN). Selain itu, satu lagi pencapaian *Future Earth* di Asia adalah pelancaran *Future Earth* Korea pada bulan April. ICSU ROAP memainkan peranan penting dalam langkah ke arah penubuhan *Future Earth* Korea semasa ICSU ROAP *Regional Consultation* di Asia dan Pasifik ke-5 pada bulan November 2013.

Usaha penting ICSU ROAP dalam isu bencana adalah penganjuran *International Workshop on Psychological Intervention after Disasters* (PIAD) ke-5 pada bulan November di Manila. Bengkel ini bertujuan untuk membincangkan kajian dan amalan psikologi berkaitan bencana dan bagaimana komuniti menghadapi kesan bencana terhadap kesejahteraan biopsikososial mereka. ICSU ROAP menganjurkan bengkel ini bagi pihak *International Union of Psychological Science* (IUPsyS), dengan dana sumbangan daripada program antarabangsa *Integrated Research on Disaster Risk of the International Center of Excellence* (IRDR ICOE) di Taipei, IUPsyS, dan *United Nations University International Institute for Global Health*. Bengkel ini diadakan di *Department of Psychology, University of the Philippines,* Diliman dengan sokongan daripada *Psychological Association of the Philippines* (PAP), the *Center of Applied Development Science* (CADS), *University of Jena*, dan *Chinese Psychological Society* (CPS).

Tahun ini, ICSU ROAP memulakan langkah pembangunan program epigenetik. *Science Planning Group on Epigenetics* bermesyuarat untuk kali pertama di Kuala Lumpur pada bulan Oktober, untuk merangka pelan epigenetik dan kaitannya terhadap kesihatan dan kesejahteraan persekitaran bandar di Asia dan Pasifik. Pelan ini bertujuan untuk mengkaji semula lanskap epigenetik, mendokumentasikan penemuan berkenaan pencetus dan pengubahsuaian epigenetik, mengenalpasti bidang penyelidikan baru termasuk penyelidikan dalam perubahan produk genetik dan jalur biokimia serta kaitannya dengan penyakit dalam populasi bandar yang semakin berkembang.

Dalam hal tadbir urus, ICSU ROAP mengadakan dua mesyuarat *Regional Committee for Asia and the Pacific* (RCAP), di Seoul, Korea dan di Kota Kinabalu, Sabah. Semasa mesyuarat di Kota Kinabalu, ROAP menganjurkan seminar dengan kerjasama *Sabah Park* sebagai sebahagian dari program interaksi bersama saintis tempatan.

Tahun ini juga menandakan berakhirnya perjanjian ICSU ROAP dengan Kerajaan Malaysia pada bulan September. Proses pembaharuan kontrak sedang berjalan. Selain itu, pada tahun ini juga, Pengarah Pengasas ICSU ROAP sejak tahun 2006, Mohd Nordin Hasan, telah menamatkan perkhidmatan beliau. ICSU ROAP akan terus berusaha untuk mencapai kejayaan yang lebih signifikan bagi memenuhi komitmennya dalam memperkasakan bidang sains di peringkat antarabangsa demi kesejahteraan masyarakat.

Konsortium



Konsortium Sains Kebangsaan

Konsortium sains menerajui usaha bersepadu dalam memperkasakan bidang-bidang strategik STI. Konsortium ini disasarkan untuk menjadi institusi penyelidikan negara berpusat yang menjadi titik tumpu kepada kolaborasi inter-institusi dan antarabangsa.

Pusat Fizik Zarah Kebangsaan

Pusat Fizik Zarah Kebangsaan (NCPP) dihoskan oleh UM sejak 2013 dan dipantau oleh Jawatankuasa Pemandu Bersama antara ASM dan UM. NCPP terlibat dengan penyelidikan, pertukaran teknologi dan perkembangan bakat melalui kerjasama dengan CERN di Switzerland, *Deutsch Elektronen-Synchrotron* (DESY) di Jerman, *High Energy Accelerator Research Organization* (KEK) di Jepun dan *COMET Experiment* di Universiti Osaka, Jepun. Tahun ini, lapan orang pelajar Malaysia ditempatkan di CERN, Universiti Osaka dan KEK.

Aktiviti utama NCPP ialah *National School for Particle Physics* (NSPP). NSPP merupakan bengkel tiga hari yang menjadi platform latihan kepada calon-calon CERN *Summer Student Programme (*CSSP) bagi menyediakan mereka dengan pengetahuan dan pemahaman yang menyeluruh dalam bidang nuklear dan fizik zarah. Bengkel ini berfungsi sebagai satu saluran bagi menilai pemohon CSSP berdasarkan kesesuaian, kecekapan, minat dan komitmen mereka. Calon yang disenarai pendek akan dipilih oleh panel pemilihan dan hanya seorang pelajar yang akan terpilih untuk menyertai CSPP.

Selain itu, aktiviti lain turut dijalankan seperti kelas mingguan, ceramah bulanan dan program jangkauan luar.

lembaran fakta

Kakitangan DNCPP

2 Profesor

4 Felo Pelawat

1 Felo Penyelidik

1 Pensyarah Kanan

2 Pegawai Penyelidik

9 PhD dan **11** MSc

Malaysia Institute for Innovative Nanotechnology

Sebagai salah satu konsortium yang diasaskan oleh ASM dengan kerjasama MOHE dan UTM, NanoMITe terus berusaha untuk meneraju penyelidikan nanoteknologi berimpak tinggi dalam pelbagai domain. Konsortium ini menyediakan platform bagi penyelidikan kolaboratif global untuk membangun dan memperkasakan solusi berasaskan nanoteknologi kepada masalah kemiskinan, kekurangan air bersih, pertanian yang kurang cekap, rawatan dan diagnostik perubatan yang mahal dan lain-lain.

Di bawah pimpinan lima ketua projek, 19 projek sedang dijalankan dalam bidang Tenaga; Kesihatan dan Perubatan; Makanan dan Pertanian; Elektronik, Peranti dan Sistem; dan Alam Sekitar. Projek-projek NanoMITe ditaja oleh MOHE dan dijangka siap menjelang tahun 2020. Kemajuan projek-projek ini dibentang dan dibincangkan semasa Simposium NanoMITe setiap tahun.





Fora

Persidangan Antarabangsa *Science for Peace*

Saban hari kita dihidangkan berita berkaitan keganasan, jenayah, peperangan dan bencana. Sejarah telah membuktikan bahawa peperangan menjadi kaedah utama bagi menyelesaikan pertelingkahan. Dalam dunia moden, negara seantero dunia telah membuat pelaburan besar dalam membina peralatan ketenteraan yang canggih dan mempunyai kuasa pemusnah yang besar, dikuasakan oleh S&T. Telah tiba masanya bagi komuniti saintifik untuk mengutamakan P&P untuk keamanan.

S&T memberi keajaiban dalam pelbagai bidang; tetapi, masalah asas manusia masih berlarutan. Namun, kemajuan material tidak bermakna kerana kita masih gagal membawa keamanan dan kestabilan kepada dunia. Sains mampu menyumbang kepada genjatan senjata, pembasmian kemiskinan, melawan penyakit dan kebuluran, dan mengawal perubahan iklim.

Saintis tidak dapat melakukannya secara bersendirian; ahli ekonomi, saintis sosial, dan manusia sejagat perlu bekerjasama merealisasikannya melalui kerjasama dari kerajaan, ahli akademi, industri dan masyarakat. Oleh itu, persidangan ini bertindak sebagai platform bagi membincangkan peranan STI dalam mencapai keamanan global.

Persidangan antarabangsa Science for Peace yang bertemakan ***"More for Peace, Less for War"*** ini berlandaskan usaha menyalurkan sumber dan bakat untuk memberi keutamaan kepada STI dalam memperkasakan keamanan global. DYMM Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah telah mencemar duli merasmikan persidangan ini dan menyampaikan ucaptama bagi menentukan hala tuju. Baginda menggesa penggunaan STI untuk tujuan keamanan dalam memenuhi tujuh keperluan asas manusia untuk keselamatan. Baginda mencadangkan pendekatan sosio-ekonomi dipraktikkan dalam menangani masalah pengangguran akibat kemajuan bidang robotik. DYMM Sultan Nazrin percaya bahawa bakat STI mampu menyumbang kepada agenda keamanan menerusi dialog bersama pihak-pihak berkepentingan melalui Sains Diplomasi dalam pendidikan, komunikasi dan perbincangan.

Bidang fokus persidangan ini adalah:

- Menangani Risiko Perubahan Iklim
- Mengetengahkan Ideologi, Geopolitik dan Sekuriti
- Mencapai Keamanan melalui Ekonomi, Pembasmian Kemiskinan dan Inklusiviti
- Memupuk Kesedaran dan Persetujuan melalui Konvensyen, Dasar, Pendidikan dan Komunikasi

Hala Tuju dalam memupuk dan memperkasakan keamanan global:

- Tadbir urus yang baik dan usaha bersepadu dalam perkongsian dan kerjasama memberi impak besar dalam STI
- Mengemudi pembangunan saintifik dan teknologikal ke arah keamanan
- Melangkau batas tradisional dengan pendekatan berorientasikan nilai kerjasama dalam menangani cabaran tadbir urus global. Pemikiran maju, perancangan bersepadu dan tindakan sinergistik amat penting
- Memperkasa dan melibatkan golongan muda dalam agenda sains untuk keamanan terutamanya penyelesaian masalah kemanusiaan, demi membentuk pemikiran dan kemahiran mereka.
- Penglibatan bakat STI melalui diplomasi sains seperti pendidikan, komunikasi dan penglibatan

lembaran fakta

5-16 Ogos, Kuala Lumpur

4 sesi dikendalikan oleh **4** moderator

18 ahli panel

160 peserta



Ketibaan DYMM Sultan Nazrin Muizzudin Shah di persidangan antarabangsa Science for Peace disambut oleh Presiden ASM dan YB Menteri STI



Bengkel ICT-Bio Asia

Kerajaan Perancis telah menubuhkan jaringan ICT-Bio Asia untuk menonjolkan kepakaran Perancis dan Asia dalam tema-tema tertentu. Ia menjadi platform untuk memupuk kerjasama antara negara tuan rumah dan negara peserta.

Pada tahun 2016, ASM telah bekerjasama dengan Kerajaan Perancis untuk menganjurkan Bengkel ICT-Bio Asia. Bengkel ini bertemakan Biomas dan Tenaga Boleh Baharu, Keselamatan Siber, Bandar Hijau Pintar, dan Kesihatan & Kesejahteraan. Penyelidik, penggubal dasar dan ketua industri dari rantau Asia dan Perancis telah menghadiri bengkel ini. Peserta bangkel berpeluang memperoleh geran penyelidikan kolaboratif bernilai €200,000.

ASM dan Kementerian Luar Negeri dan Pembanguanan Antarabangsa Perancis melalui Kedutaan Perancis di Malaysia telah menandatangani surat niat bagi mengiktiraf ASM sebagai rakan kongsi untuk program ICT-Asia dan Bio-Asia. Ini mengukuhkan lagi hubungan ASM dan Kerajaan Perancis, terutamanya dalam membangunkan jalinan saintifik antara rantau Asia dan Perancis dalam bidang Teknologi Informasi dan Komunikasi dan kajian berkaitan biologi.

lembaran fakta

Lebih **90** kertas cadangan diterima.

11 penceramah dan **14** pembentangan poster.

200 peserta dari **10** negara.

Bengkel ini merupakan salah satu program di bawah *French Festival 2016.*

Siri ke-3 Seminar Penyelidikan Australia-Malaysia

Suruhanjaya Tinggi Australia telah menganjurkan siri seminar penyelidikan Australia-Malaysia yang mengumpulkan penyelidik dan peserta dari bidang sains persekitaran untuk berkongsi kepakaran dan ilmu serta membincangkan isu-isu perubahan iklim. Siri ketiga seminar bagi tahun 2016 adalah usaha kolaboratif antara ASM, UM dan Suruhanjaya Tinggi Australia. Seminar ini bertemakan *"Climate change and its impact on Ecosystems and Bioresources".*

lembaran fakta

3 penceramah

100 peserta

Menghubungkan Sains dan Industri

Kemunculan teknologi baru terus mempengaruhi dan membawa perubahan kepada ekonomi global. Teknologi disruptif telah menjadi kebimbangan utama kepada industri dan pasaran sedia ada. Oleh itu, pihak industri perlu menerapkan teknologi dan pengetahuan baru sebagai nilai tambah untuk kekal relevan. Untuk itu, empat pihak berkepentingan utama iaitu pihak kerajaan, industri, institusi penyelidikan dan ahli akademik perlu sentiasa bekerjasama.

Sehubungan itu, ASM telah menganjurkan forum tahunan bertujuan untuk menghubungkan serta mewujudkan jaringan kerjasama antara komuniti saintifik dan penggiat industri. Dua siri forum telah dianjurkan memfokuskan kepada industri Teknologi Hijau dan ICT & Bioteknologi.

lembaran fakta

Forum Teknologi Hijau
19 Mei, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

20 peserta

Forum on ICT/ Biotechnology
17 November, ASM

26 peserta





Wacana

Penjanaan pengetahuan seringkali datangnya dari wacana minda yang membolehkan pembelajaran, pengembangan rangkaian, pewujudan informasi dan perkongsian. ASM menganjurkan pelbagai wacana yang berteraskan objektif ini dan ianya diterima dengan positif.

Perhimpunan Tahunan ke-9: National STI Masterplan

Berdasarkan kepada dapatan laporan *Science Outlook* 2015, terdapat keperluan bagi membentuk kesinambungan antara dasar berkaitan STI untuk memperjelas agenda STI nasional bagi pembangunan negara dan perkembangan ekonomi. Sehubungan itu, Majlis Sains Negara memutuskan untuk merangka Pelan Induk STI Negara.

Pelan ini berperanan sebagai Pelan Strategik STI utama negara yang melangkaui tahun 2020. Ini adalah untuk menyokong pelaksanaan semua dasar berkaitan STI yang penting bagi memastikan Malaysia menggunakan sebaiknya peluang-peluang berkaitan STI untuk mencapai perkembangan ekonomi yang mampan.

Topik-topik berikut dibincangkan semasa Perhimpunan Tahunan ke-9 pada 30 April:

Ucaptama oleh YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau
Menteri STI

'Development of STI Talent through a Holistic Approach'
Profesor Datuk Dr Asma Ismail FASc
Naib Presiden, ASM

'New Economic Areas and Financial Systems to Support STI Development'
Liew Siew Lee
Pengarah,Industri Pembuatan, Bahagian Sains dan Teknologi, Unit Perancang Ekonomi (EPU)

'Synergising STI Policies and Management'
Dato' Dr Mohd Azhar Hj Yahaya
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), MOSTI

'Enhancing Collaboration: Forging the Quadruple Helix of Government – Academia – Industry – Community'
Academician Emeritus Profesor Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid FASc
Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Malaysia

Dikendalikan oleh Syed Farradino Omar

Perhimpunan Tahunan ke-10: Pelaksanaan Penyelidikan Beretika

RCR acap kali dibincangkan, bukan hanya di negara ini tetapi di seluruh dunia. Dengan peningkatan sokongan orang awam, terdapat kebimbangan tentang bagaimana penyelidikan dijalankan. ASM menerajui RCR dan merangka garis panduan untuk dilaksanakan oleh penyelidik di institusi penyelidikan dan pendidikan tinggi.

Topik-topik berikut dibincangkan semasa Perhimpunan Tahunan ke-10 pada 24 September:

Current RCR status in Malaysian Institute of Higher Learning
Profesor Madya Dr Norhayati Mohamed
Pengarah, Pejabat Pengurusan Program, KPT

Malaysian Code of Responsible Conduct of Research (MCRCR)
Profesor Kanan Dato' Dr Khalid Yusoff FASc
Pengerusi, Malaysian Code of Responsible Conduct of Research

Global and Islamic Worldview on Ethics
Profesor Dato' Dr Abu Bakar Abdul Majeed
Pengerusi, Majlis Bioetika Kebangsaan Malaysia

RCR Education Module
Dr Chau De Ming
Pengerusi Bersama, Program RCR, Young Scientists Network (YSN-ASM)

Researcher Perspective on RCR
